

"DARI Othman bin Affan katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Barang siapa yang berwuduk, kemudian dia menyempurnakan wuduknya, maka keluarlah dosa-dosa dari jasadnya hingga dari kuku-kukunya".  
- (Riwayat Al-Imam Muslim)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.15 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 140 | 20 NOVEMBER 2024 / 1446 جمادي الأول 18 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# MESYUARAT PERTAMA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-41



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian, Belia dan Sukan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 November. – Ke arah memastikan kelancaran Upacara Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun berkenaan diadakan bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Bersama.

Semasa berucap, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan bahawa kejayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 tahun berkenaan menjadi bukti patriotisme dan

kesepakatan rakyat Brunei.

"Acara yang penuh warna-warni dan kemeriahan berkenaan telah membawa kegembiraan kepada seluruh lapisan masyarakat sambil menonjolkan semangat Melayu Islam Beraja yang menjadi tunjang negara kita," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Ke-41 nanti akan dilaksanakan dengan format yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya dengan beberapa cadangan pembaharuan.

"Oleh itu, kita akan merancang keraian ini berdasarkan pengalaman - pengalaman yang lalu dengan beberapa penambahbaikan dan menambah nilai baharu agar perhimpunan ini juga akan menjadi peristiwa yang istimewa dan sentiasa segar dalam ingatan semua lapisan masyarakat," jelas Yang Berhormat lagi.

>> Muka 3

## Bersama memperjuangkan hak kanak-kanak

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 20 November. – Pada 20 November setiap tahun, kita merayakan Hari Kanak-kanak Sedunia (World Children's Day; WCD) yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 1954.

Tarikh berkenaan diambil bersempena dengan pengisytiharan Deklarasi Hak Kanak-kanak pada 1959 dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Children-CRC) pada 20 November 1989.

Sambutan tahun ini merupakan Sambutan

Hari Kanak-kanak Sedunia yang Ke-18 di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan tema 'Setiap Kanak-kanak Punya Hak' atau 'For every child, every right'.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam perutusannya sempena Hari Kanak-kanak Sedunia 2024.

Yang Berhormat seterusnya berkata Hari Kanak-kanak Sedunia merupakan peluang bagi kita semua untuk memperjuangkan hak-hak kanak-kanak seperti keselamatan,

pendidikan, kesihatan, perlindungan dan bermain serta meningkatkan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak di sekeliling kita dan juga di seluruh dunia.

CRC, tambah Yang Berhormat, menekankan keperluan mustahak untuk memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam semua keputusan yang mempengaruhi mereka, melindungi mereka daripada penyalahgunaan dan eksploitasi, serta mempromosi penyertaan mereka dalam urusan masyarakat.

>> Muka 4

## Platform bagi pegawai kanan jalin rangkaian, mempelajari amalan terbaik

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**RIMBA,** Isnin, 18 November. - The 22nd Second Echelon Brunei-Singapore Civil Service Exchange Program (CSEP) membuka tirai dengan Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Tenaga) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

>> Muka 7

## Mempromosi NBD sebagai pemain utama industri maritim global

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

**JERUDONG,** Selasa, 19 November. - Dengan sokongan daripada pemain industri maritim tempatan serta pihak berkepentingan, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) pagi tadi melancarkan Minggu Maritim Brunei Darussalam 2024 (BDMW) yang berlangsung di Banquet Hall, BRIDEX, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan

seterusnya merasmikan pelancaran berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha merangkap Pengerusi MPABD.

Dalam ucaptamanya, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menegaskan mengenai kepentingan untuk mengiktiraf sumbangan tenaga kerja maritim.

>> Muka 5



## Berita Utama



**MENGUKUHKAN** kerjasama keselamatan siber, menggalakkan perkongsian pengetahuan Muka 7



**HARI** Terbuka SMALHB : Wadah perkongsian maklumat

Muka 9



42 lukisan artis Jepun dipamerkan

Muka 13



**BERSAMA** kita menciptakan dunia lebih baik untuk masa depan anak-anak

Muka 20

# Pentingnya perancangan strategik untuk masa depan



**MENTERI** Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku tuan rumah dan Pengerusi 12th AMMDM berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Ke-12 (12th AMMDM) dan Mesyuarat Persidangan Parti Ke-13 (13th CoP) Kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan (AADMER) di The Empire Brunei, Jerudong pada Khamis, 24 Oktober 2024.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman Haji Othman

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum dan selamat pagi

**S**EMENTARA saya menyatakan rasa terima kasih yang tidak terhingga atas kehadiran awda pada petang semalam, saya ingin menekankan sekali lagi

betapa gembiranya saya untuk mengalu-alukan kedatangan awda semua ke Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Pengurusan Bencana Ke-12 dan Persidangan Ke-13 kepada AADMER, di Negara Brunei Darussalam. Saya percaya awda mempunyai malam yang tenang dan bersedia untuk perbincangan penting hari ini. Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas komitmen awda yang tidak berbelah bahagi untuk memajukan usaha rantau kita dalam pengurusan bencana.

Sebelum kita bermula, marilah kita meluangkan sedikit masa untuk merakamkan ucapan takziah dan simpati yang mendalam kepada Republik Demokratik Rakyat Lao, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam, yang telah terjejas teruk oleh Taufan Tropika Yagi yang dahsyat. Kami bersimpati kepada keluarga dan komuniti yang terjejas. Kami bersolidariti dengan semua menuju pemulihan. Peristiwa tragis ini merupakan peringatan yang nyata tentang cabaran cuaca ekstrem yang kita hadapi di rantau ini. Saya memuji Negara Anggota ASEAN dan Pusat AHA atas respons pantas mereka dalam mengagihkan Barangan Bantuan DELSA kepada mereka yang memerlukan. Detik seperti ini menekankan kepentingan komitmen kolektif terhadap pengurusan bencana dan kerjasama serantau. Mari kita tegaskan semula dedikasi kita untuk

menyokong usaha pemulihan dan membina komuniti yang lebih berdaya tahan.

Tema mesyuarat tahun ini, 'Membina ASEAN Berdaya Tahan Melalui Pemulihan Bencana Inklusif dan Mampun (Building a Resilient ASEAN Through Inclusive and Sustainable Disaster Recovery)' sangat berkesan dengan pengalaman kolektif kita. ASEAN telah menghadapi banyak bencana alam, yang telah menekankan perlunya kesepaduan dalam pemulihan dan pembinaan semula. Tindakan yang cemerlang terhadap Taufan Tropika Yagi mencerminkan daya tahan rantau kita dan keazaman bersama untuk mengatasi bencana. Memandangkan bencana selalunya memberi kesan kepada mereka yang paling terdedah, adalah penting bahawa usaha pemulihan kita adalah inklusif, memastikan semua individu, termasuk wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya, disepadukan ke dalam rancangan kita. Tiada siapa yang ketinggalan semasa kita berusaha ke arah ASEAN yang lebih kukuh.

Usaha kita juga mesti mampan, memastikan daya tahan jangka panjang. Perancangan strategik untuk masa depan adalah amat penting. Dengan menyatukan pengurangan risiko bencana ke dalam rangka kerja pembangunan, kita boleh meningkatkan kesiapsiagaan dan pemulihan, memupuk rantau yang lebih selamat dan teguh.

Saya juga ingin memuji Pusat Penyelaras ASEAN untuk Bantuan Kemanusiaan Mengenai Pengurusan Bencana (Pusat AHA) atas peranan pentingnya dalam

menyelaraskan respons. Pusat AHA telah menunjukkan kepada kita apa yang boleh dicapai melalui tindakan kolektif ASEAN. Kita mesti terus menyokong dan mengukuhkan Pusat AHA untuk memastikan ia kekal sebagai kuasa yang berkesan dalam menguruskan krisis masa depan, selaras dengan visinya untuk menjadi hab pengetahuan untuk pengurusan bencana di ASEAN.

Adalah satu penghormatan untuk menyampaikan ucapan pada perhimpunan ini dalam menyambut AMMDM Ke-20 Tahun. Pencapaian ini melambangkan komitmen ASEAN terhadap pengurusan bencana dan visi bersama untuk menjadi peneraju global dalam bidang penting ini.

Pada sidang hari ini, marilah kita menegaskan semula komitmen kolektif kita untuk mengukuhkan ASEAN, menjadikannya lebih inklusif dan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran hari esok. Saya yakin keputusan yang kita buat hari ini akan membentuk strategi masa depan kita dalam pengurusan bencana, memastikan kita kekal bersatu dan berdaya tahan.

Sebagai penutup, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi atas sumbangan awda yang tidak ternilai untuk tujuan penting ini. Saya percaya kita boleh mencipta masa depan di mana ASEAN berdiri sebagai mercu tanda harapan, daya tahan dan keharmonian untuk generasi akan datang.

Untuk memperingati pencapaian luar biasa AMMDM, marilah kita menonton video yang menyerlahkan perjalanan dan pencapaian yang telah kita capai bersama.

| WAKTU SEMBAHYANG |             |        |      |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|-------------|--------|------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| NOVEMBER         | JAMADILAWAL |        |      |       |        |      |       |      |         |       |
| MASIH            | HARI        | HIJRAH | MSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 20               | RABU        | 18     | 4.38 | 4.48  | 6.09   | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.02    | 7.15  |
| 21               | KHAMIS      | 19     | 4.38 | 4.48  | 6.10   | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.03    | 7.16  |
| 22               | JUMAAT      | 20     | 4.38 | 4.48  | 6.10   | 6.34 | 12.07 | 3.29 | 6.03    | 7.16  |
| 23               | SABTU       | 21     | 4.38 | 4.48  | 6.10   | 6.34 | 12.08 | 3.29 | 6.03    | 7.16  |
| 24               | AHAD        | 22     | 4.39 | 4.49  | 6.11   | 6.35 | 12.08 | 3.30 | 6.03    | 7.17  |
| 25               | ISNIN       | 23     | 4.39 | 4.49  | 6.11   | 6.35 | 12.08 | 3.30 | 6.03    | 7.17  |
| 26               | SELASA      | 24     | 4.39 | 4.49  | 6.11   | 6.35 | 12.09 | 3.30 | 6.04    | 7.17  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                |                |  |
|----------------------|----------------|----------------|--|
| RABU                 | KHAMIS         | JUMAAT         |  |
| Bandar Seri Begawan  |                |                |  |
| 33<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                |                |  |
| 33<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |
| Pekan Tutong         |                |                |  |
| 33<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                |                |  |
| 33<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 20 NOVEMBER 2024

### Tingkatkan tahap kesihatan, cegah kanser

**B**ULAN kesedaran Movember merupakan satu kempen yang diraikan setiap tahun khusus bagi memberikan galakan kepada kaum lelaki untuk meningkatkan inisiatif-inisiatif ke arah penjagaan kesihatan kaum lelaki. Kempen ini juga mengetengahkan beberapa isu kesihatan utama bagi kaum lelaki seperti Kanser Prostat, Kanser Testis, kesihatan mental dan amalan hidup yang sihat dan aktif.

Pada tahun ini, Sambutan Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki 2024 membawa tema 'Kekuatan Hari ini untuk Kesihatan Esok' yang memfokuskan kepada kepentingan untuk mengambil tindakan sekarang demi meningkatkan tahap kesihatan diri pada masa hadapan.

Selaras dengan tema tersebut kaum lelaki perlu bertindak segera dengan membina kekuatan diri untuk membuat perubahan demi untuk meningkatkan kesihatan diri masing-masing, dan mereka juga dinasihatkan untuk menjalani ujian-ujian saringan yang telah disediakan.

Perkara ini antara lain dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) semasa Pelancaran Kempen Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki - Movember 2024 baru-baru ini.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan ada menyediakan khidmat saringan di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK) yang antara lain memberikan Pemeriksaan Kolorektal bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berusia 50 - 75 tahun.

Di NBD, satu dalam empat orang lelaki dianggarkan mempunyai risiko untuk mendapat kanser sepanjang hayat mereka, di mana tiga jenis kanser yang kerap dialami oleh kaum lelaki di negara ini adalah Kanser Kolorektal 23 peratus, Kanser Paru-paru 14.4 peratus dan Kanser Prostat 10.9 peratus.

Sementara jumlah kes-kes baharu Kanser Prostat di NBD juga menunjukkan peningkatan dari tahun 2020 sebanyak 22 kes baharu berbanding 2022 sebanyak 56 kes baharu. Trend yang sama dapat dilihat pada kes-kes baharu Kanser Testis dengan empat kes baharu pada tahun 2021, 10 kes baharu pada tahun 2022 dan 12 kes baharu pada tahun 2023.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa menurut data daripada Brunei Darussalam Cancer Registry (BDCR) sepanjang tempoh 2002-2021, kebanyakan kanser lelaki didiagnosis pada peringkat akhir iaitu apabila ia telah merebak.

Manakala pada tahun 2023, Kanser Kolon adalah penyebab kematian kanser tertinggi dalam kalangan lelaki iaitu telah menyebabkan 40 kematian, diikuti oleh Kanser Paru-paru sebanyak 28 kematian dan prostat sebanyak 17 kematian.

Berdasarkan statistik tersebut ia amat membimbangkan lebih-lebih lagi apabila kebanyakan dari kes-kes kanser berkenaan boleh dirawat dengan sepenuhnya apabila ia dikesan pada peringkat awal lagi.

Dengan melakukan pemeriksaan kesihatan lebih awal merupakan langkah yang amat penting bagi mengesan penyakit kanser. Di samping apabila seseorang itu didiagnosis, ia akan dapat dirawat dengan lebih awal dan seterusnya mengurangkan kes kematian disebabkan kanser. Oleh itu, kaum lelaki di negara ini adalah disarankan agar dapat memaksimumkan penjagaan kesihatan masing-masing dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat, melakukan aktiviti fizikal, bersenam dan bersukan. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# MESYUARAT PERTAMA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-41

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

## >> Muka 1

Namun apa yang paling penting tambah Yang Berhormat, segala perancangan hendaklah mengambil kira semua aspek terutamanya dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua pihak.

Ke arah ini jelas Yang Berhormat, hasil Post-Mortem dari

Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 juga akan diambil kira dengan sentiasa menegenahkan suasana kegembiraan, kemeriahan, dan semangat jitu orang-orang Brunei yang penuh patriotik.

"Kerjasama dan komitmen

semua pihak dalam menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kali ini amatlah disanjung tinggi sebagai satu bangsa yang bersepadu dan bertamadun dan paling utama sekali, pelaksanaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan hendaklah terus berpegang teguh kepada nilai-nilai teras kebruneian dan berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja," tegas Yang Berhormat.

Agenda Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 kali ini memfokuskan kepada laporan - laporan perkembangan dan cadangan-cadangan mengenai persiapan yang sedang giat dilaksanakan, cadangan tarikh dan tempat, cadangan logo dan tema, dan tarikh-tarikh raptai bagi upacara dan acara utama

ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun berkenaan.



MESYUARAT dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

sambutan.

Di samping itu, mesyuarat juga membincangkan tatacara pelaksanaan dan jumlah keramaian bagi Upacara Perhimpunan Agung, Majlis Doa Kesyukuran, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan, Majlis Khatam 41 Kali dan acara-acara sampingan yang lain.

Turut sama hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof, selaku Penasihat Bersama; Timbalan - timbalan Menteri, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha - setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, 2025.



## RB adakan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Ke-50



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir pada Majlis Khatam Al-Quran, Sembahyang Berjemaah dan Doa Kesyukuran di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

MANGGIS / MADANG, Isnin, 18 November. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Yang Ke-50, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) petang tadi menganjurkan acara khas untuk melahirkan rasa penghargaan kepada negara dan rakyatnya.

Sempena peristiwa penting ini, RB mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Sembahyang Berjemaah dan Doa Kesyukuran di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi RB dan turut dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah RB, pengurusan dan kakitangan, pihak berkepentingan yang dihargai dan para tetamu.

RB merafakkan setinggi-tinggi junjung kasih dan rasa syukur ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sokongan berterusan baginda serta Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Lembaga Pengarah RB atas bimbingan mereka yang tidak ternilai dalam perjalanan dan hala tuju masa depan RB.

Ulang Tahun Ke-50 ini menandakan satu pencapaian yang membanggakan dalam komitmen RB untuk menyampaikan perkhidmatan bertaraf dunia yang berasaskan nilai kemeraan, keikhlasan dan kecemerlangan.

Majlis tersebut turut diserikan dengan bacaan Khatam Al-Quran oleh 63 kakitangan RB, termasuk para pesara serta solat berjemaah yang diimamkan oleh Awang Nuzli bin Haji Jumaat dan bacaan Doa Kesyukuran bagi memohon keberkatan dan melambangkan perjalanan dan aspirasi RB yang selaras dengan Wawasan Brunei

2035.

Sebagai syarikat penerbangan kebangsaan Brunei, RB mempunyai keistimewaan untuk menghubungkan Brunei dengan dunia, berkongsi warisan negara yang kaya, dan terkenal dengan layanan sopan santun orang Brunei.

Selama lima dekad, RB kekal teguh dalam meningkatkan pengalaman perjalanan bagi setiap penumpang, diilhamkan oleh nilai ikhlas dan rasa hormat.

Majlis ini merupakan penghormatan yang tulus kepada penumpang, kakitangan yang berdedikasi, dan pihak berkepentingan yang telah menyokong RB sepanjang perjalanannya.

Melihat ke hadapan, RB diilhamkan oleh Wawasan Brunei 2035 tentang Brunei yang progresif dan berdaya tahan. Syarikat penerbangan itu tetap komited untuk meningkatkan perkhidmatannya dan menyumbang kepada pertumbuhan negara dan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad



SEBAHAGIAN yang menyertai majlis berkenaan.

kehadiran antarabangsa.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya untuk mengembangkan hubungan di rantau ini, dan sempena Ulang Tahun Ke-50, RB dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran semula penerbangan ke Balikpapan, Indonesia, mulai 19 Februari 2025, yang akan beroperasi dua kali seminggu menggunakan Airbus A320neo.

Laluan ini akan mengukuhkan hubungan budaya dan ekonomi antara Brunei dan Wilayah Kalimantan Timur, menyediakan lebih banyak peluang perjalanan, riadah dan perniagaan kepada pelancong.

Perkhidmatan baharu ini juga akan menyediakan sambungan lancar ke ibu kota masa depan Indonesia yang baharu, Nusantara Capital City di Kalimantan.

Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid berkata, mencapai kejayaan ini merupakan satu kebanggaan yang amat besar bagi kami semua di RB.

Menurutnya, Ulang Tahun Ke-50 kami bukan sekadar sambutan RB tetapi Brunei, rakyat kita, dan visi

bersama untuk masa depan.

"Mengimbas kembali perjalanan kami, kami merafakkan setinggi-tinggi junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta para penumpang kami, dan pasukan RB yang luar biasa, yang menjiwai semangat ikhlas dalam semua yang mereka lakukan.

"Kami menantikan bertahun-tahun lagi untuk menghubungkan Brunei ke dunia luar termasuk laluan baharu kami ke Balikpapan, yang mencerminkan komitmen kami terhadap pertumbuhan dan mengukuhkan hubungan dalam rantau kita dan seterusnya," katanya lagi.

Sebagai syarikat penerbangan kebangsaan Brunei, RB Airlines tetap berdedikasi untuk menjadi duta sebenar nilai-nilai Brunei dan membina hubungan yang memperkayakan kehidupan merentas generasi.

# 110 GRADUAN MIC TERIMA SIJIL

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada penerima.

**JERUDONG**, Selasa, 19 November. - Seramai 110 pelajar berjaya menamatkan pengajian di Micronet International College (MIC) daripada jumlah tersebut 95 dari Program Pearson BTEC Computing dan 15 pula dari Program Pearson BTEC Business. Majlis

Konvokesyen MIC 2024 tersebut berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil serta penganugerahan Merit Awards ialah Menteri Pendidikan,

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir pada majlis itu, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif MIC selaku Pengerusi Majlis, Sylvester Yong; Pengurus Besar dan Pengetua MIC, Sharon Chin; pegawai-pegawai kanan kerajaan, jemputan khas serta ibu bapa para graduan yang diraikan.

MIC juga merupakan rakan satelit kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang menawarkan Undergraduate Degree Entry Pathway BriCOMP Programme selama 14 minggu kepada pelajar yang tidak mencukupi pencapaian 'A' Level atau International Baccalaureate (IB) untuk memenuhi kemasukan minimum keperluan UTB.

Setelah berjaya menyelesaikan Program BriCOMP selama 14 minggu, pelajar akan menyertai UTB untuk mengikuti Computing Bachelor Degree Programme di UTB.

Seramai dua pelajar iaitu

Dayang Ainaa Zukrina binti Haji Abdul Manap dari Program Diploma Tertinggi Kebangsaan Pearson BTEC Level 5 dalam Pengkomputeran dengan major dalam Kejuruteraan Rangkaian (Network Engineering) dan Dayangku Nur Izzati binti Pengiran Muhammad Nizem dari Program Diploma Tertinggi Kebangsaan Pearson BTEC Level 5 dalam Pengkomputeran menerima Special Merit Awards daripada MIC

atas pencapaian cemerlang yang diraih.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi MIC di [www.micronet.com.bn](http://www.micronet.com.bn) atau menghubungi talian +673 2451133 (Kampus Micronet Gadong) atau +673 2611133 (Kampus Micronet Jerudong). Orang ramai juga boleh mengunjungi laman media sosial Facebook, *Micronet Brunei* dan Instagram *@MicronetBruneiIG*.



**SEKITAR** Majlis Konvokesyen MIC 2024 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei (kiri dan kanan).



## Bersama memperjuangkan hak kanak-kanak



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusannya sempena Hari Kanak-kanak Sedunia 2024.

### >> Muka 1

"Acara Kemuncak Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia kali Ke-18 ialah Voices of Children : Bengkel bertajuk Memperkasa kanak-kanak untuk turut serta : Hak Kanak-kanak dan Matlamat Pembangunan Mampan atau Empowering children to participate: Children's Rights and Sustainable Development Goals (SDGs) yang akan diadakan pada Isnin, 25 November 2024.

"Acara ini bertujuan untuk mendidik para peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dalam lingkungan umur 17 tahun ke bawah termasuk kanak-kanak kelainan upaya tentang hak kanak-kanak dan SDG, memberi inspirasi untuk berempati, menggalakkan advokasi dan tindakan, memupuk kerjasama dan kreativiti, dan meraikan kejayaan untuk memacu perubahan yang bermakna dalam komuniti.

"Antara usaha negara dalam melindungi hak kanak-kanak ialah melalui Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-kanak, di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan Pelan Tindakan ini menggariskan strategi dan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai matlamat atau objektif bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak terus dipedulikan dengan adanya kerjasama dan komitmen bersepadu semua agensi yang berkepentingan melalui pendekatan Whole of Nation dari pihak kerajaan, bukan kerajaan

dan masyarakat akar umbi, melalui pengukuhan keluarga masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, pelbagai komiti dan platform merangkumi keahlian daripada pelbagai sektor kerajaan dan bukan kerajaan juga tersedia bagi membincangkan isu-isu sosial kanak-kanak dan pelbagai perkhidmatan juga disediakan termasuklah rangkaian jaminan sosial bagi menjamin kesejahteraan sosial, emosi, pendidikan, kesihatan dan keselamatan mereka.

Tambah Yang Berhormat lagi, antara yang terpenting ialah Komiti Penjagaan Kanak-kanak (KPK) daripada pelbagai agensi penguatkuasaan bagi membincangkan kes-kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan segera, dan Pasukan Bertindak bagi Perlindungan Kanak-kanak (ATOCP) mempunyai bidang kuasa bagi membangun dan mengenal pasti pelan-pelan perlindungan kanak-kanak bagi kes kanak-kanak yang telah dibincangkan dalam Komiti Perlindungan Kanak-kanak.

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) jelas Yang Berhormat, juga telah meningkatkan usaha dalam mengukuhkan Standard Operating Procedure (SOP) dengan menambah baik Garis Pandu Pusat Penjagaan Kanak-kanak agar tahap penjagaan kanak-kanak adalah berkualiti dan keselamatan kanak-kanak kekal terjamin.

Selain itu terang Yang Berhormat lagi, usaha berterusan juga dilaksanakan bagi meningkatkan pembangunan kapasiti dan sokongan untuk pekerja agensi penguatkuasaan penjagaan kanak-kanak.

"Ini termasuk pelbagai kursus yang melibatkan pegawai kerja sosial, pegawai sosial perubatan, dan pegawai pembangunan masyarakat.

"Antara kursus yang diadakan adalah kursus SSI dengan kerjasama Singapura National Council of Social Service (NCSS), di mana pegawai dilatih dalam perancangan dan amalan keselamatan kanak-kanak.

"Dari segi pencapaian,

Alhamdulillah prestasi kanak-kanak dan orang muda di negara ini juga sangat membanggakan dalam banyak aspek seperti bermain dan bersukan.

"Tahun ini sahaja, kita sangat gembira kerana anak-anak muda kita telah meraih pelbagai pingat di beberapa pertandingan antarabangsa seperti Pertandingan Judo Jemputan Little Warriors 2024, Kejohanan Wushu Junior Dunia yang Ke-9 dan Pertandingan SUKMA (Sukan Malaysia) Ke-21.

"Kita juga bangga dengan penampilan dua atlet Olimpik Brunei, berumur 16 dan 17 tahun, di Sukan Olimpik Paris tahun ini," kata Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan usaha-usaha bersepadu dalam pelbagai aspek adalah amat dihargai dan perlu diteruskan bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak *kitani* terus dipedulikan.

Antara program yang telah dilaksanakan dan berhubung kait dengan tema Hari Kanak-kanak Sedunia tahun ini ujar Yang Berhormat, adalah seperti Program Bootcamp oleh Jabatan Pendidikan Khas untuk Pelajar Berkeperluan Khas bermula pada 7 September hingga 19 November 2024 bertujuan untuk mendidik pelajar mengenai keusahawanan dan inovasi serta memberi mereka peluang untuk menunjukkan kebolehan dan kreativiti dalam menghasilkan produk.

Program berkenaan kata Yang Berhormat, juga menekankan

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

keterangkuman dan kepelbagaian, serta memupuk pemikiran keusahawanan agar pelajar dapat berdikari dalam pekerjaan.

Tambah Yang Berhormat lagi, JAPEM juga telah mengadakan banyak ceramah kesedaran melalui program GINIS kepada sekolah-sekolah di NBD yang bertujuan untuk mendidik kanak-kanak tentang hak mereka dan cara melindungi diri mereka daripada potensi bahaya.

Yang Berhormat juga menjelaskan Jabatan Sekolah-sekolah juga menjalankan Program Hybrid School yang bermatlamat untuk meningkatkan status pembelajaran dan meningkatkan akses murid-murid kepada pendidikan bagi dua buah sekolah pedalaman di Seria, iaitu Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian Sukang dan Sekolah Rendah Melilas, dengan mempraktikkan dan menggabung pengajaran dan pembelajaran secara bersempua dengan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Impak program berkenaan kata Yang Berhormat lagi, termasuklah peningkatan kompetensi ICT pelajar dan guru, dan peningkatan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Kanak-kanak di negara ini tambah Yang Berhormat, juga didedahkan dengan pelbagai latihan dan penyertaan pembangunan diri, sama ada

dalam dan luar negeri.

Pada Ogos lalu jelas Yang Berhormat lagi, beberapa pelajar termasuk kanak-kanak OKU telah berkesempatan menyertai 'The 8th ASEAN Children's Forum 2024', sebuah platform bagi kanak-kanak ASEAN untuk berkongsi pandangan dan idea mengenai isu-isu semasa, dan tahun ini adalah mengenai cabaran iklim yang semakin meningkat dan semakin mengancam keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di seluruh dunia.

"Janganlah kita lupa juga tentang cabaran yang dihadapi oleh saudara kita di Palestin, di mana konflik yang berterusan telah memberi kesan buruk kepada kehidupan kanak-kanak yang tidak terhitung jumlahnya, menafikan mereka banyak hak mereka yang sepatutnya dilindungi dan dijaga.

"Kita bolehlah menghulur bantuan kepada kanak-kanak Palestin dan menolong melindungi hak mereka dengan menderma ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 yang telah dilanjutkan tempoh kutipan sehingga 18 April 2025.

"Dengan iringan doa serta seruan bagi seluruh masyarakat untuk memedulikan dan menyayangi kanak-kanak kita, sukacita saya mengucapkan Selamat Hari Kanak-kanak Sedunia kepada seluruh kanak-kanak di NBD," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

**"TAHUN ini sahaja, kita sangat gembira kerana anak-anak muda kita telah meraih pelbagai pingat di beberapa pertandingan antarabangsa seperti Pertandingan Judo Jemputan Little Warriors 2024, Kejohanan Wushu Junior Dunia yang Ke-9 dan Pertandingan SUKMA (Sukan Malaysia) Ke-21. Kita juga bangga dengan penampilan dua atlet Olimpik Brunei, berumur 16 dan 17 tahun, di Sukan Olimpik Paris tahun ini,"** kata Yang Berhormat lagi.

# MEMPROMOSI NBD SEBAGAI PEMAIN UTAMA INDUSTRI MARITIM GLOBAL



## >> Muka 1

"Melalui BDMW 2024, kami ingin mengetengahkan industri ini, para pekerja maritim, pelaut dan mereka yang bekerja di sektor ini, untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan mereka yang tidak ternilai dan menonjolkan kepentingan serta keperluan untuk mengamalkan standard profesionalisme dan integriti yang tinggi dalam pekerjaan mereka.

"Pada masa yang sama, kami juga ingin mempamerkan kemajuan dan pembangunan teknologi terkini dalam industri ini, menyokong pembangunan kapasiti serta menggalakkan kerjasama dan perkongsian," terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menekankan mengenai peranan MPABD yang semakin berkembang dalam Sektor Maritim Brunei.

"Kami telah menyaksikan peningkatan yang stabil dalam jumlah trafik kapal di Brunei, di mana pada tahun lalu, kami telah mencatatkan jumlah trafik kapal tertinggi setakat ini berbanding lima tahun kebelakangan.

"Ini juga menunjukkan bahawa sektor pengangkutan, khususnya perkapalan, adalah antara penerima manfaat dalam pembangunan industri hiliran dan aktiviti pengeluaran berorientasikan eksport.

"Selain itu, dengan Projek Pembesaran dan Pembaikan Pelabuhan Muara yang sedang berjalan dan dijangka siap pada 2027, serta pembangunan tapak penyelenggaraan dan penutupan kapal marin (MMDY) yang sedang dibangunkan oleh Anson International, yang dijangka beroperasi menjelang penghujung 2025, semuanya akan menyumbang kepada pertumbuhan lebih lanjut dalam sektor maritim tempatan," tambah Yang Berhormat.

Manakala Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluannya menekankan mengenai kepentingan BDMW sebagai satu pencapaian penting dalam pembangunan maritim negara.

Beliau turut menjelaskan bahawa BDMW dihasratkan untuk menjadi penanda aras bagi Sektor Maritim dan menjadi platform tahunan untuk memperkukuh penglibatan tempatan dan antarabangsa.

Kapten (B) Zil Husam turut menekankan objektif lebih luas acara berkenaan untuk mempromosi Brunei Darussalam sebagai pemain utama dalam industri maritim global.

"BDMW bertujuan bukan sahaja untuk mempamerkan kemampuan maritim negara tetapi juga untuk meletakkan Brunei sebagai pusat utama untuk inovasi, kerjasama,

dan kecemerlangan dalam sektor ini," jelasnya lagi.

Semasa pelancaran rasmi BDMW 2024, Yang Berhormat turut mengumumkan penubuhan Pusat Respons Kecemasan Maritim (MERC), yang dilengkapi dengan teknologi canggih dan dikendalikan oleh pasukan terlatih yang bersedia menghadapi sebarang kecemasan di laut.

MERC bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan memperbaiki keberkesanan respons dalam operasi maritim Brunei.

Selain itu, satu lagi pencapaian penting adalah pelancaran Projek Maritime Single Window yang selaras dengan agenda transformasi digital Brunei.

Yang Berhormat juga telah menyaksikan demonstrasi langsung Latihan Penyemburan Laut NOS COP yang dikendalikan oleh Oil Spill Response Limited (OSRL) Singapura, yang mempamerkan kesiapsiagaan Brunei dalam menghadapi kecemasan maritim.

Acara berkenaan turut dimeriahkan dengan tetamu kehormat dijemput untuk melawat sebanyak 35 penyertaan pameran daripada agensi-agensi yang terlibat bagi melihat perkembangan dan inovasi terkini dalam industri maritim.

Manakala, pada sebelah petang,

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

sesi dialog telah diadakan dengan tajuk seperti 'Teknologi Baru Dalam Perkhidmatan Trafik Kapal : Cabaran dan Peluang', 'Memberdayakan Kerjaya Maritim : Menavigasi Peluang dan Cabaran Dalam Pekerjaan Maritim' dan 'Selamat Berlayar : Latihan Perubatan dan Keselamatan Untuk Pelaut'.

Sesi dialog berkenaan menampilkan barisan 10 penceramah dari dalam dan luar negara, termasuk Pegawai Teknikal IALA dan Pakar VTS dari Organisasi Antarabangsa Bantuan Navigasi Laut (IALA), Thomas Southall; Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik Kapal dan Bantuan Navigasi dari Jabatan Laut Malaysia, Awang Mohd. Hafiz bin Abdul Majid; Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Trafik Kapal dan Bantuan Navigasi dari Jabatan Laut Malaysia, Awang Burhanudin bin Abdullah; dan Presiden Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL), Kapten Abdul Aziz Abdullah.

Tetamu kehormat bagi sesi petang berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

Pada hari kedua, BDMW akan memberi tumpuan kepada peluang kerjaya, yang diketuai oleh Pusat Pekerjaan Brunei, termasuk Klinik Curriculum Vitae (CV) dan temu duga.

Pada sesi petang, aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh peserta pameran akan dilaksanakan

seperti pembentangan, anugerah penghargaan, penglibatan bakat dengan orang awam, dan paparan teknologi maritim.

Sementara pada hari ketiga pula akan menampilkan Cabaran Interaktif Maritime Quest, satu acara yang menarik dan mendidik yang memperkenalkan peserta kepada industri maritim serta peluang kerjaya dalam bidang berkenaan.

Aktiviti berkenaan akan melibatkan pasukan daripada pihak berkepentingan industri, pencari kerja, dan orang awam, bagi mempromosi kerja berpasukan serta kesedaran terhadap industri.

Manakala, pada sebelah petang akan diadakan Majlis Penyampaian Hadiah untuk para pemenang Maritime Quest.

BDMW 2024 yang bertemakan 'Technological Innovations and Sustainable Maritime Development' adalah selaras dengan tema Hari Maritim Sedunia tahun ini, iaitu 'Navigating the Future : Safety First', yang menekankan mengenai komitmen MPABD dalam memajukan kelestarian, merangsang inovasi, dan memastikan keselamatan dalam Sektor Maritim Brunei.

Minggu Maritim Brunei Darussalam 2024 dibuka untuk kunjungan orang ramai dari 19 hingga 21 November 2024 di Dewan 1, BRIDEX, Jerudong.

Untuk maklumat lanjut, layari Instagram MPABD di @mpa.brunei atau laman sesawang rasmi mereka di [www.mpabd.gov.bn](http://www.mpabd.gov.bn).



YANG Berhormat semasa membuat lawatan dan mendengarkan penerangan (atas). Sementara gambar kanan, sesi dialog pada majlis tersebut.



Alvin Wang Kang Loon  
Senior Vessel Traffic Officer  
Vessel Traffic Management  
Section  
Maritime and Port Authority of  
Brunei Darussalam (MPABD)



Thomas Southall FRIN  
IALA Technical Officer and  
VTS Expert  
International Organization for  
Marine Aids to Navigation  
(IALA)



Mohd Hafiz bin Abdul Majid  
Director  
Traffic Management and Aids  
to Navigation Division  
Malaysia Marine Department  
(MMD)

# BERTUKAR PANDANGAN, PENGALAMAN BERKAITAN PERUNDANGAN, KEHAKIMAN



**YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie semasa menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 November. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri hari ini menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam (NBD),

Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi.

Kunjungan hormat tersebut berlangsung di Tingkat 2, Bilik Persidangan Utama, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di sini.

Dalam kunjungan tersebut,

Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar berkesudian menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran di NBD.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Rayuan Syariah



Turut serta mengalu-alukan kunjungan tersebut adalah Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Haji Hassan bin Haji Metali; dan Yang Arif Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias serta Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dari Mahkamah Syariah.

Pada kunjungan tersebut, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama

Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim mengambil peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman berhubung perkara berkaitan perundangan dan kehakiman.

Dalam kesempatan tersebut juga, kedua-dua belah pihak telah bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda hubungan baik antara kedua-dua pihak khususnya di antara NBD dan Republik Islam Iran.

## Bengkel pastikan penguatkuasaan, pelaksanaan perintah mengikut peruntukan



**YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie hadir selaku tetamu kehormat pada Bengkel Perintah Penguatkuasaan dan Pelaksanaan (atas). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada bengkel berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 November. - Seramai 30 peserta terdiri daripada Hakim-hakim Syar'ie, Pendaftar - pendaftar dan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah menyertai Kursus Dalam (in-house training) iaitu Bengkel Perintah Penguatkuasaan dan Pelaksanaan, selama dua hari bermula hari ini hingga esok.

Bengkel yang dianjurkan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri itu diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pembukaan bengkel berkenaan ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pengiran Mohammaddin bin Pengiran Haji Aliakbar dalam ucapannya pada majlis tersebut berkata, antara tujuan bengkel adalah untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kefahaman, pengetahuan serta kemahiran kepada Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dalam

menjalankan peranan dan fungsi Mahkamah Syariah dalam memastikan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dilaksanakan mengikut peruntukan yang ada.

Selain itu, tambahnya, ia juga untuk memberikan kefahaman yang mendalam kepada Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dalam mengaplikasikan peruntukan-peruntukan yang ada berkaitan pelaksanaan perintah dan seterusnya melaksanakannya dengan pelaksanaan yang sewajarnya.

Dalam masa yang sama, bengkel juga dihasratkan untuk meningkatkan kefahaman

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**PEMANGKU** Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pengiran Mohammaddin bin Pengiran Haji Aliakbar ketika berucap.

Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dalam memahami kaedah atau tatacara yang berkesan dalam memastikan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah akan dapat dipatuhi dan mencari solusi kepada isu-isu yang berbangkit dalam pelaksanaan perintah.

Bengkel dikendalikan oleh seorang fasilitator jemputan dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan iaitu Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Yang Arif Mohamed Fouzi bin Mokhttar.



Dengan adanya bengkel ini diharap akan dapat meningkatkan kefahaman semua peserta bengkel khususnya berkaitan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di Mahkamah-mahkamah Syariah.



# Mengukuhkan kerjasama keselamatan siber, menggalakkan perkongsian pengetahuan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 November. Keselamatan Siber Brunei (Cyber Security Brunei-CSB) dan International Telecommunication Union (ITU) bersama-sama menganjurkan ITU Regional Asia-Pacific CyberDrill 2024, yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 21 November 2024 di Hotel Radisson Brunei Darussalam di ibu negara.

Acara berkenaan selaras dengan Inisiatif Serantau ITU untuk Asia dan Pasifik, bertujuan



ANTARA yang berucap pada persidangan berkenaan.

untuk meningkatkan komunikasi, keupayaan tindak balas insiden, dan usaha kolektif dalam kalangan Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Komputer Asia-Pasifik (Computer Security Incident Response Teams-CSIRTs) untuk mengurangkan ancaman siber.

Persidangan dihadiri wakil dari 21 negara di rantau ASEAN, Kepulauan Pasifik dan benua kecil India, termasuk Bangladesh, Bhutan, Fiji, Kiribati, Maldives, Mongolia, Nepal, Palau, Samoa, Sri Lanka, Tonga dan Vanuatu.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara.

Persidangan serantau seterusnya menghimpunkan pakar keselamatan siber daripada kerajaan, industri, akademia dan pertubuhan bukan kerajaan untuk membincangkan amalan terbaik dan menangani cabaran yang muncul.

Pesuruhjaya Interim CSB, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis berkata memang



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara hadir pada ITU Regional Asia-Pacific CyberDrill 2024.

merupakan satu penghormatan dan keistimewaan untuk bekerjasama dengan ITU dalam memperkukuh daya tahan siber di negara ini dengan membina kapasiti dan keupayaan pelbagai organisasi termasuk Infrastruktur Maklumat Kritikal (Critical Information Infrastructure-CII) melalui CyberDrill dan kami juga berbesar hati untuk menyumbang kepada pembangunan serantau dalam keselamatan siber melalui penyertaan 21 negara dalam acara berkenaan.

Manakala Pengarah Biro Pembangunan Telekomunikasi ITU, Dr. Cosmas Luckyson Zavazava pula menjelaskan

Regional Asia-Pacific CyberDrill menyediakan peluang yang tidak ternilai untuk pembelajaran rakan sebaya keselamatan siber, mengukuhkan kapasiti keselamatan siber dan kerjasama serantau.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada CSB kerana menganjurkan acara itu dengan sokongan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam," katanya.

Sorotan utama persidangan berkenaan termasuk mengenai Global Cybersecurity Index (GCI) 2024 Insights, iaitu pembentangan oleh Pejabat Serantau ITU untuk

Asia dan Pasifik, dalam menyelidiki penemuan utama, pengajaran dan cabaran di rantau ini; Keadaan Keselamatan Siber di Rantau Asia-Pasifik, iaitu perbincangan panel yang menampilkan pakar dari CSB, INTERPOL, Palau dan Mongolia dengan meneroka landskap keselamatan siber semasa; dan sesi Meja Bulat tentang Perkongsian Pengalaman dengan sesi berkenaan menentang wakil dari Filipina, Thailand, Nepal dan NBD, dan saling bertukar-tukar pandangan tentang strategi keselamatan siber negara dan amalan terbaik.

>> Muka 8

## PLATFORM BAGI PEGAWAI KANAN JALIN RANGKAIAN, MEMPELAJARI AMALAN TERBAIK



SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir pada Majlis Perasmian The 22nd Second Echelon Brunei-Singapore Civil Service Exchange Program (CSEP).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Seramai 11 pegawai kanan dari Perkhidmatan Awam (PA) Negara Brunei Darussalam (NBD) dan 11 pegawai kanan dari PA Republik Singapura menyertai program berkenaan.

Pada majlis berkenaan, Dayang Hajah Farida dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa tema pada tahun ini 'Building Our Future Together' dipilih untuk menyelaraskan dengan visi kedua-dua negara dan menyumbang ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Lestari

(SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam memupuk keamanan dan kemakmuran sejagat.

Menurutnya lagi, papan pemuka SDG, NBD berada di tangga ke-96 daripada 166 negara, dengan markah 67. Republik Singapura berada di kedudukan lebih tinggi pada kedudukan ke-65, dengan skor 71.4.

Kedua-dua negara tambahnya, menunjukkan prestasi baik dalam kategori seperti Pendidikan Berkualiti dan Bandar dan Komuniti Lestari.

"Dari segi kerjasama berkaitan

SDG, NBD dan Republik Singapura telah berkongsi maklumat secara konsisten mengenai pemantauan kualiti udara dan pencemaran, menjaga kebersihan sungai dan meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan belia.

"Usaha-usaha berkenaan, dan banyak lagi, telah diserlahkan dalam mesyuarat baru-baru ini antara kedua-dua negara semasa Pertukaran Lawatan Tahunan Brunei Darussalam - Republik Singapura Ke-17 mengenai Alam Sekitar, yang diadakan Ogos lalu di Republik Singapura.

"Mesyuarat itu diketuai bersama oleh Singapore's Minister for Sustainability and the Environment dan Menteri Pembangunan NBD,"

SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) JPM semasa berucap.

jelas beliau lagi.

Topik-topik berkenaan ujarnya, merupakan elemen penting dalam memastikan NBD boleh bertahan, atau mengurangkan kesan cabaran masa depan seperti mengurangkan kesan perubahan iklim dan penurunan pergantungan global terhadap minyak dan gas.

Sepanjang program empat hari berkenaan jelasnya, pelbagai agensi daripada sektor awam dan swasta telah dijemput untuk berkongsi pandangan yang berkaitan mengenai perkhidmatan digital, kepelbagaian ekonomi dan tenaga suria.

Program CSEP yang diadakan selama empat hari bermula hari ini dan akan berakhir pada 22 November 2024 dan dihoskan oleh NBD.

Tema pada tahun ini 'Building Our Future Together' yang memfokuskan kepada set pelbagai isu di bawah United Nations Sustainable Development Goals (SDGs.)

Matlamat SDG berkenaan adalah merangkumi pembangunan yang bertanggungjawab ke atas kemampanan sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Program berkenaan memberi peluang kepada peserta untuk belajar dan berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam menyediakan PA bagi menghadapi cabaran semasa dan masa depan yang relevan serta semakin kompleks dan saling berkait rapat dengan seluruh dunia.



Program berkenaan diisikan dengan perkongsian daripada agensi yang berkaitan, perbincangan strategik dengan kementerian dan juga Learning Journey termasuk lawatan ke Ladang Springhill, ladang negatif karbon mampan berasaskan organik yang dikendalikan oleh penduduk tempatan yang tidak menggunakan air dan elektrik yang dibekalkan oleh kerajaan.

Program berkenaan merupakan anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan Civil Service College (CSC), CSEP dijalankan setiap tahun sejak penubuhannya pada 2002 dan telah menyediakan peluang kepada penjawat awam dari kedua-dua buah negara untuk menjalin rangkaian, mempelajari amalan terbaik dan menjalin hubungan yang lebih erat pada peringkat pegawai kanan.

Seterusnya, CSEP pada tahun hadapan akan dihoskan oleh Singapura.

# JASTRe ADAKAN PENANDATANGANAN SIJIL PENYERAHAN PROJEK CASA



**SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan dan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan Sijil Penyerahan berkenaan (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 November. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan pagi tadi mengadakan Majlis Penandatanganan Sijil Penyerahan bagi Projek Clean Air for Sustainable ASEAN (CASA) di bawah Kumpulan Kerja ASEAN on Environmentally Sustainable Cities (AWGESC) untuk Brunei Darussalam di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan Majlis

Penyerahan tersebut, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Turut hadir ialah bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook serta rombongan delegasi dari Negara Republik Korea, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad

Kesihatan; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah JASTRe, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, dan ucapan tahniah oleh Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penandatanganan sijil penyerahan di antara Pengarah JASTRe dan Ketua Penyelidik Projek CASA dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan dan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD.

Majlis penandatanganan diakhiri dengan ucapan penutup oleh Ketua Penyelidik Projek CASA, Profesor Kiyoung Lee.

Projek CASA adalah salah satu usaha kerjasama di antara Republik Korea bersama Negara Anggota ASEAN (AMS) di bawah naungan Kumpulan Kerja ASEAN on Environmentally Sustainable Cities (AWGESC). Projek ini akan dilaksanakan bagi tempoh empat tahun, iaitu 2023 hingga 2026.

NBD adalah di antara Negara Anggota ASEAN yang menyertai



dan menerima sumbangan daripada Republik Korea, iaitu dua peralatan pemantauan kualiti udara untuk ditempatkan di lokasi strategik di NBD.

Projek ini bertujuan untuk

memberi sokongan menyeluruh kepada AMS bagi mengurangkan pencemaran udara dan kesan negatifnya melalui langkah-langkah politik, saintifik dan teknikal.



## Pemenang Pertandingan Memasak, Program Bootcamp diraikan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



### >> Muka 7

Untuk mengukuhkan lagi keupayaan keselamatan siber, acara turut menawarkan sesi latihan selari, iaitu Membangunkan Keupayaan Analisis Perisian untuk CSIRTs yang diketuai oleh Forum Pasukan Tindak Balas Insiden (FIRST). Latihan teknikal berkenaan melengkapkan peserta dengan teknik analisis *advanced malware*; dan Pengurusan Krisis Siber Kebangsaan yang dikendalikan oleh Pejabat Serantau ITU untuk Asia dan Pasifik, dengan latihan pengurusan berkenaan memberi tumpuan kepada perancangan dan pelaksanaan tindak balas krisis yang berkesan.

Pada hari penutup persidangan akan menampilkan latihan CyberDrill yang intensif dengan mensimulasikan serangan siber dunia sebenar, dan kira-kira 100 peserta termasuk 53 peserta tempatan akan terlibat dalam latihan berkenaan.

Dengan memupuk kerjasama dan perkongsian pengetahuan, CyberDrill bertujuan untuk meningkatkan keupayaan tindak balas kolektif tentang keselamatan siber di rantau ini.

Dan dengan menghimpunkan pemegang berkepentingan serantau, ITU Regional Asia-Pacific CyberDrill 2024 bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama keselamatan siber, menggalakkan perkongsian pengetahuan, dan akhirnya menyumbang kepada masa depan digital yang lebih selamat untuk rantau Asia-Pasifik.

**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan anugerah kepada para pemenang.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 November. - Sekolah Menengah Masin Kluster 4 menjuarai Pertandingan Memasak Kali Ke-4, diikuti tempat kedua disandang oleh Sekolah Menengah Awang Semaun Kluster 1 dan Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kluster 6 memenangi tempat ketiga.

Sementara tiga pasukan terbaik Program Bootcamp Kali Ke-4 bagi pelajar Pra-Vokasional Tahun 2024 iaitu Most Creative disandang oleh Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Kluster 3; Most Passionate

dari Sekolah Menengah Lambak Kiri, Kluster 3; Most Innovative dari Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kluster 6 dan Best Performing Student dimenangi oleh Muhd. Irfan Muhtadi bin Rudy Effendi dari Sekolah Menengah Rimba, Kluster 3.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah dan Anugerah telah diadakan di Dewan Ruang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini. Majlis juga diselajuri dengan Pelancaran Buku Kurikulum Program Pra-Vokasional.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan anugerah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Sebanyak lapan buah sekolah menengah telah berjaya mara ke peringkat akhir yang dijalankan pada 9 November 2024 lalu. Dalam pertandingan tersebut, para pelajar dikehendaki menyediakan tiga jenis makanan dan satu jenis minuman iaitu Savory (Pastryrubbing *method*), *soft cookies*, buku dan jus buah-buahan.

Pertandingan peringkat akhir telah dihakimi oleh para juri yang terdiri daripada guru-guru kulineri dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Executive Sous Chef daripada The Rizqun International Hotel.

Manakala Program Bootcamp Kali Ke-4 bagi pelajar-pelajar

Pra-Vokasional telah dikendalikan dengan kerjasama Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC), Kementerian Pendidikan.

Pada tahun ini, program disertai oleh 12 sekolah menengah bagi Program Pra-Vokasional dan enam buah sekolah rendah bagi Program Pendidikan Khas. Program Bootcamp ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan kesedaran corak minda keusahawanan (*entrepreneurial mindset*), kemahiran dan pendidikan keusahawanan serta inovasi.

Di samping itu, para pelajar juga berpeluang untuk menunjukkan kebolehan, kreativiti, inovatif serta bakat mereka dalam menghasilkan produk-produk yang terbaik.

Buku Kurikulum Program Pra-Vokasional diterbitkan bertujuan untuk membantu guru-guru pendidikan khas dalam melaksanakan Program Pra-Vokasional. Penerbitannya juga selaras dengan Matlamat Strategik Kementerian Pendidikan dan Matlamat Pembangunan Mampan Ke-4 (SDG 4) UNESCO, yang mengutamakan pendidikan berkualiti, inklusif dan saksama untuk semua.

Acara juga diserikan dengan pameran dan jualan produk yang dihasilkan oleh para pelajar yang menyertai pertandingan Program Bootcamp. Turut hadir, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, para pemimpin sekolah, guru dan pelajar serta agensi-agensis yang berkepentingan.

# PENERBANGAN TERAKHIR KONTINJEN MALBATT BERLEPAS KE LUBNAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



PENERBANGAN terakhir Kontinjen MALBATT 850-12 untuk Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) terdiri daripada 208 anggota MALBATT 850-12 termasuk 14 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah selamat berlepas dari Pangkalan Udara Subang, Malaysia menggunakan pesawat Batik Air Airbus A330-300 (atas dan atas kanan).

MALAYSIA, Selasa, 19 November. - Penerbangan terakhir Kontinjen MALBATT 850-12 untuk Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) terdiri daripada 208 anggota MALBATT 850-12 termasuk 14 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah selamat berlepas hari ini dari Pangkalan Udara Subang, Malaysia menggunakan pesawat Batik Air Airbus A330-300.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Haji Adly bin Zahari. Turut hadir, Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam ke Malaysia,



Letenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin; Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta ahli keluarga kontinjen yang akan berlepas.

Majlis dimulai dengan Tabik Hormat daripada kontinjen, diikuti dengan Lagu ATM dan ucapan dari tetamu kehormat. Perbarisan diakhiri dengan laungan Gempur

Wira dan disusuli dengan bacaan doa.

Perlepasan yang terakhir pada hari ini telah melengkapkan penghantaran kesemua anggota-anggota Kontinjen MALBATT 850-12 yang terdiri daripada seramai 854 anggota, termasuk 30 anggota-anggota ABDB di mana dua daripadanya adalah anggota wanita untuk misi tersebut.

## Hari Terbuka SMALHB : Wadah perkongsian maklumat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Terbuka berkenaan dan seterusnya menyempurnakan perasmian Hari Terbuka Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 November. - Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) pagi tadi mengadakan Hari Terbuka sebagai wadah perkongsian maklumat



untuk para pelajar persekolahan Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) yang berminat untuk meneruskan pembelajaran mereka ke satu-satunya Pusat Tingkatan Enam Arab atau pra-universiti Arab yang ada di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Terbuka berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim, yang juga turut menyempurnakan perasmian Hari Terbuka SMALHB pagi tadi.

Antara tujuan Hari Terbuka berkenaan adalah untuk mengongsikan maklumat mengenai jurusan-jurusan yang ditawarkan di sekolah berkenaan serta kemudahan biasiswa yang ditawarkan kepada para pelajar.

Hari Terbuka turut disertai oleh Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam, KHEU; Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan; Bahagian Biasiswa, Kementerian Pertahanan; Bahagian Biasiswa, Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), dan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) Negara Brunei Darussalam.

Atur cara Hari Terbuka juga memperkenalkan Ruang 'Citra Diraja' yang dirasmikan oleh tetamu kehormat.

Ruang berkenaan mempamerkan koleksi gambar-gambar keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke sekolah berkenaan sebanyak lima kali, iaitu pada 2002, 2007, 2012, 2016 dan 2018.

Selain sebagai ristaan sejarah, Ruang 'Citra Diraja' berkenaan adalah untuk menzahirkan rasa

kasih dan taat setia warga sekolah terhadap raja yang dikasihi atas keprihatinan dan pemeduliaan baginda terhadap kemaslahatan dan perkembangan SMALHB khususnya, dan sekolah-sekolah Arab lain amnya.

## Keputusan PSR 2024 dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan telah mengeluarkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2024, hari ini.

Seramai 6,075 calon telah menduduki peperiksaan pada tahun ini di mana 4,060 (66.83 peratus) adalah calon sekolah kerajaan dan 2,015 (33.17 peratus) adalah calon sekolah swasta.

Daripada keseluruhan calon ini, seramai 4,960 (81.65 peratus) calon telah berjaya memperoleh Gred A-D dalam kelima-lima mata pelajaran. Manakala calon yang memperoleh Gred A-C dalam kelima-lima mata pelajaran adalah seramai 3,916 calon (64.46 peratus).

Jumlah calon sekolah kerajaan yang memperoleh Gred A-C dalam kelima-lima mata pelajaran adalah seramai 2,323 calon (57.22 peratus) sementara itu pencapaian Gred A-C bagi calon sekolah swasta ialah seramai 1,593 calon (79.06 peratus).

Sebanyak 34 buah sekolah telah mencapai keputusan 100 peratus lulus Gred A-D bagi kelima-lima mata pelajaran termasuk 20 buah sekolah kerajaan. Manakala sebanyak 12 buah sekolah telah berjaya mencapai keputusan 100 peratus Gred A-C bagi kelima-lima mata pelajaran, di mana sembilan buah daripadanya adalah sekolah kerajaan.

Seramai 575 calon sekolah (9.47 peratus) telah mendapat Gred A dalam kelima-lima mata pelajaran, peningkatan sebanyak 0.34 peratus berbanding pencapaian pada tahun 2023. Dari jumlah tersebut, seramai 242 calon adalah terdiri daripada calon-calon sekolah kerajaan.

Secara keseluruhan, seramai 519 calon (8.54 peratus) daripada 575 calon sekolah yang mendapat 5 Gred A adalah terdiri daripada rakyat tempatan. Manakala pencapaian calon yang mendapat 4 Gred A dan 1 Gred B adalah seramai 579 calon sekolah (9.53 peratus), yang mana 310 calon (53.54 peratus) adalah daripada sekolah kerajaan.

Pelajar-pelajar yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing. Manakala bagi calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

# Hukum Memakan Ulat

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**U**LAT ialah sejenis binatang kecil yang umumnya lembut dan banyak kakinya yang akan menjelma menjadi kepompong dan seterusnya kupu-kupu. Ulat juga bermaksud segala macam anak serangga yang masih lembut badannya seperti berenga, lundin dan lain-lain. Ulat mempunyai pelbagai bentuk dan jenis antaranya ulat bulu iaitu sejenis ulat yang berbulu badannya, ulat sutera iaitu sejenis ulat yang mengeluarkan benang untuk dijadikan sutera, ulat daripada larva lalat yang ditemui hidup di dalam sayur dan buah-buahan dan ulat sugu iaitu sejenis ulat daripada larva kumbang dan hidup di batang sugu.

Ulat sering dijumpai dalam buah, makanan dan lain-lain. Ada kalanya orang termakan ulat tersebut tanpa disedari. Selain itu, ada pula jenis-jenis ulat tertentu yang sememangnya menjadi makanan biasa bagi puak-puak tertentu. Di sesetengah negara, ulat juga ada disajikan di restoran sebagai menu hidangan. Ada juga orang yang memakan ulat kerana tertarik sebagai makanan eksotik dan berkhasiat. Persoalannya, adakah orang Islam boleh memakan ulat? Maka Irsyad Hukum pada kali ini akan menjelaskan mengeniannya.

Syariat Islam memerintahkan manusia supaya memakan sesuatu yang baik, halal,

suci dan tidak memudaratkan. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

**Tafsirnya:** Dan dia (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam) menghalalkan bagi mereka yang baik-baik dan mengharamkan ke atas mereka (segala) yang buruk.

(Surah al-A'raf: 157)

Imam al-Qurthubi *Rahimahullah* di dalam kitabnya al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an al-Karim menyebut bahawa yang dimaksudkan dengan الطيبات (yang baik-baik) dalam ayat di atas sebagaimana menurut Imam Syafi'i *Rahimahullah* adalah makanan yang halal di sisi syara'. Manakala yang dimaksudkan dengan الخبائث (segala yang buruk) pula adalah semua yang haram di sisi syara' dan jijik. Maka diharamkan memakan kala jengking, kumbang, cicak dan apa juga yang seumpamanya.

Menurut syara', ulat termasuk dalam kategori *hasyarat* iaitu haiwan kecil atau hama yang melata di bumi. *Hasyarat* adalah sesuatu yang dianggap menjijikkan dan ia haram dimakan kerana menjijikkan melainkan haiwan tertentu yang dikecualikan seperti belalang dan dab. Maka ulat seperti ulat sutera, ulat buah dan ulat hijau yang pada kebiasaannya ada di pohon-pohon adalah haram dimakan. Keharaman memakan ulat itu termasuk memakan bangkai ulat kerana ia najis. Larangan memakan bangkai itu disebut dengan jelas dalam firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

**Tafsirnya:** Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai.

(Surah al-Ma'idah: 3)

Adapun makan ulat yang hidup membesar pada sesuatu yang dimakan seperti buah, cuka, kurma, bijirin dan keju tidak dihukumkan haram dengan syarat-syarat berikut:

1) Ulat itu dimakan bersama makanan tempat ia hidup.

Ulat yang berceraai atau terpisah daripada makanan itu haram dimakan kerana kenajisan dan kejijikannya. Ulat yang berceraai daripada makanan sama ada ulat itu dipindahkan ke tempat lain ataupun disebabkan pergerakan ulat itu sendiri adalah haram dimakan sekalipun ulat itu dikembalikan semula kepada makanan tempat asal ulat tersebut dan dimakan bersama makanan itu.

2) Ulat itu sukar dibezakan dengan makanan.

Jika tidak sukar untuk membezakan ulat dengan makanan itu, ia haram dimakan sebagaimana yang dinyatakan oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj.


**Ertinya:** Jika mudah membezakannya (pada rupa dan rasa) seperti epal, sesungguhnya ia haram memakannya (ulat) bersamanya (epal).

3) Tidak bertujuan memakan ulat.

Ulat haram dimakan jika seseorang itu mempunyai tujuan untuk memakan ulat tersebut.

Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* di dalam kitab Nihayah al-Muhtaj mengenai memakan ulat ini, beliau ada menyebut:

**Ertinya:** Dan demikian juga ulat yang lahir (hidup membesar) pada makanan


 IRSYAD HUKUM  
 جَانِبٌ مِّنْ كَرَامَاتِ  
 جَانِبِ دُرِّ كَلِمَاتِ  
 جَابِ مُفْتِي كَرِيمَاتِ  
 Jabatan Mufti Kerajaan  
 Jabatan Perdana Menteri  
 Negara Brunei Darussalam  
 Website : www.mufti.gov.bn  
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

seperti cuka dan buah apabila dia makan bersamanya (makanan) dalam keadaan (ulat itu) hidup atau mati, halal (memakannya) menurut pendapat al-ashah kerana kebiasaannya sukar membezakannya disebabkan ia (ulat) seperti sebahagian daripadanya (makanan) pada rupa dan rasa. Jika ulat itu (dimakan) bersendirian (tidak bercampur makanan) ia adalah haram.

Dari penjelasan di atas, dapat difahami bahawa semua jenis ulat adalah haram dimakan melainkan ulat yang hidup membesar pada makanan dengan syarat-syarat yang telah disebutkan. Demikian penjelasan mengenai hukum memakan ulat.

## منوجو كريضاءن الله

### MENUJU KEREDAAAN ALLAH

### كلوأن قوسة دعوه اسلاميه

**B**ILA Allah Subhanahu Wata'ala memberi kita harta dan rezeki yang lebih ia bukanlah untuk kita mewah berbelanja tetapi untuk kita lebih memberi. Ini kerana dalam setiap rezeki atau harta yang kita peroleh itu terdapat juga hak orang lain. Oleh itu, kita tidak boleh membelanjakannya sesuka hati atau sewenang-wenangnya walaupun kita memperolehinya melalui usaha keras.

Perlu diingat bahawa harta yang kita miliki sebenarnya bukanlah milik kita sepenuhnya tetapi adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala yang mutlak. Harta dan rezeki yang kita miliki adalah amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita yang harus digunakan dengan sebaik-baiknya. Di dalam

# Keutamaan membantu orang susah

Islam kita amat digalakkan untuk bersedekah dan membantu hamba Allah yang lain. Anjuran membelanjakan harta di jalan Allah dijelaskan dalam Al-Quran seperti mana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 10, mafhumnya :

"Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu sebelum kematian datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata : "Ya Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang soleh".

Sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang membelanjakan hartanya bagi membantu orang yang miskin, disedekahkan kepada orang yang memerlukan atau dibelanjakan bagi

kepentingan Islam. Hal ini dijelaskan dalam firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195, yang mafhumnya :

"Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".

Sebenarnya infak atau membelanjakan harta dengan bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat atau wakaf bukan sahaja dapat membantu golongan fakir miskin dan membantu orang yang memerlukan, bahkan ia juga dapat membantu diri kita sendiri. Melalui amalan infak dapat melatih jiwa seseorang itu untuk menjadi orang yang belas kasihan, berkasih sayang, jauh daripada sifat peningking diri sendiri dan sebagainya. Ini kerana amalan

infak akan dapat menghindari diri kita daripada sifat-sifat mazmumah seperti sifat bakhil, riak dan bongkak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 272, yang mafhumnya :

"Dan apa jua harta yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (pahalanya) untuk diri kamu sendiri. Dan kamu tidak pula membelanjakan (sesuatu) melainkan kerana mengharapkan keredaan Allah".

Amalan membelanjakan harta di jalan Allah adalah termasuk dalam kategori jihad di jalan Allah yang akan membawa keuntungan pahala berlipat kali ganda. Ini kerana amalan infak merupakan suatu perjuangan dalam membasmi kemiskinan kefakiran dan kedaifan umat Islam. Amalan infak mempunyai darjat yang tinggi dan mendapat balasan yang sangat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

# Sentiasa peka ramalan, nasihat, amaran cuaca terkini

## Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan memasuki Monsun Timur Laut pada 19 November 2024 dan dijangka akan berterusan sehingga sekitar hujung Mac 2025.

Dua bulan pertama Monsun Timur Laut (Disember 2024 dan Januari 2025) yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh, pada lazimnya mempunyai jumlah turunan hujan yang banyak dengan bilangan hari-hari berhujan tertinggi jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain.

Semasa tempoh ini, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Berasaskan data klimatologi, Disember menerima jumlah purata

turunan hujan sebanyak 358.9 milimeter (mm), manakala Januari menerima jumlah purata turunan hujan sebanyak 320.6mm.

Purata bagi hari-hari berhujan bagi Disember ialah 21 hari, manakala Januari pula ialah 18 hari.

Semasa musim tengkujuh, adalah penting untuk orang ramai mengambil perhatian akan risiko tinggi berlakunya kejadian banjir atau banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai.

Risiko kejadian banjir yang lebih teruk boleh berlaku apabila hujan berintensiti lebat bertembung dengan kejadian air pasang serta kejadian tanah susur dan pokok tumbang boleh terjadi semasa hujan lebat yang berlanjutan lebih dari 1 jam.

Luruan angin sejuk Timur Laut yang kuat juga boleh menyebabkan peningkatan ketinggian ombak di perairan Brunei ke paras bergelora yang mana boleh mencapai sehingga 3.5 meter (m) dan kelajuan angin boleh meningkat sehingga 60 kilometer sejam (kmsj).

Jika berlaku, keadaan ini adalah berbahaya kepada semua bot bersaiz kecil, dan semua aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Manakala, semasa tempoh separuh kedua Monsun Timur Laut (Februari 2025 dan Mac 2025), keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan, dengan jumlah purata turunan hujan bagi Februari ialah 162.9mm dan bagi bulan Mac ialah 143.4mm.

Manakala, purata bagi hari-hari berhujan bagi Februari ialah 12 hari dan Mac ialah 13 hari.

Berdasarkan kepada model iklim

dari pusat-pusat ramalan antarabangsa, terdapat kemungkinan (peluang 60 peratus) fenomena La Niña akan terbentuk pada bulan ini hingga dan dijangka berterusan sehingga awal tahun hadapan 2025.

Pada lazimnya, salah satu impak fenomena La Niña terhadap NBD adalah peningkatan turunan hujan berbanding jumlah purata.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal dan yang bersesuaian dalam menangani impak terutamanya dengan keadaan cuaca aktif yang diramalkan berlaku pada musim tengkujuh ini.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan

membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau melalui laman Facebook (@bruneiweather) dan Instagram (@bruneiweather).

## SEORANG LELAKI DIHUKUM PENJARA, SEBAT ATAS 15 PERTUDUHAN

# DARI MAHKAMAH

awal 2022, ketika isterinya yang terlarut sakit di ruang tamu, Defendan membawa Miss A ke dalam bilik lain untuk menderanya secara seksual dan merakam perbuatan itu.

Dalam kejadian lain, tidak lama setelah kematian isterinya, defendan telah merogol Miss A ketika kedua-dua anak lelakinya berada di bilik yang sama.

Penganiayaan tersebut diketahui pada Julai 2022, apabila mangsa telah mengadu kepada ibu mereka. Dengan pantas dia bertindak membuat laporan polis yang membawa kepada siasatan yang terperinci oleh Unit Siasatan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Siasatan tersebut telah mendedahkan bukti tunjuk salah dalam telefon bimbit defendan termasuk gambar dan rakaman video yang banyak tentang perbuatan penganiayaan itu.

Defendan memohon rayuan bagi meringankan hukuman dengan mengakui bertanggungjawab atas perbuatannya dan menyebut bahawa dia pada masa itu adalah bapa tunggal yang mempunyai dua orang anak lelaki yang masih kecil yang bergantung kepadanya.

Timbalan Pendakwa Raya,

Nurul Fitri binti Haji Kiprawi dan Abdul Hanan bin Haji Erwan dalam penghujahan mereka menekankan faktor-faktor serius dalam kes itu.

Mereka menegaskan kelakuan defendan yang membinasakan dengan sifat penganiayaan yang berulang kali dilakukan dan kesan psikologi kepada mangsa-mangsa.

Laporan telah dikemukakan kepada mahkamah yang memperincikan penderitaan dari segi emosi yang dialami oleh kedua-dua mangsa. Miss A, sekarang berumur 20 tahun dan didapati menghidap kegelisahan, kemurungan dan konflik perasaan. Manakala Miss B berusia 17 tahun telah menunjukkan tanda-tanda kurang harga diri dan kebimbangan yang semakin bertambah dengan penilaian klinikal yang menyatakan bahawa kedua-dua mangsa perlu diberikan sokongan dari segi psikologi yang berterusan.

Pengakuan akhir defendan terhadap 15 pertuduhan yang dibuat semasa perbicaraan berjalan selepas enam saksi pihak pendakwa termasuk kedua-dua mangsa telah memberi keterangan yang dianggap oleh mahkamah sebagai terlalu lambat untuk menyelamatkan mangsa daripada beban emosi dalam memberi

keterangan dan menjatuhkan kepadanya sedikit pengurangan hukuman saja.

Dalam menjatuhkan hukuman 40 tahun dan enam bulan penjara serta 17 kali sebatan, Yang Arif menambah bahawa hukuman itu tidak hanya dicapai dengan cegah-rintang yang kuat tetapi juga memberi peluang kepada Miss A dan Miss B untuk membina kehidupan mereka dengan aman dan selamat daripada sebarang bahaya.

Hukuman ini patut memberikan mereka peluang untuk menghadapi masa depan mereka dan menikmati hidup sepenuhnya dengan menjalani hari tua dengan aman dan untuk mendapatkan ketenangan kerana tidak menikmati masa kecil mereka.

Semua pihak dalam kes tersebut tidak dapat disebut nama mereka atas perintah sekatan bersuara oleh mahkamah.

Oleh itu, Pejabat Peguam Negara mengingatkan orang ramai bahawa kesalahan seksual terutamanya yang melibatkan penganiayaan amanah boleh membawa kepada hukuman berat sehingga 30 tahun penjara dan 12 kali sebatan bagi setiap kesalahan rogol di bawah bab 376 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. - Mahkamah Tinggi hari ini menjatuhkan hukuman penjara 40 tahun dan enam bulan serta 17 kali sebatan terhadap seorang lelaki atas kesalahan rogol, mencabul kehormatan, menghendap dan merakam video lucah yang melibatkan kanak-kanak yang telah dilakukan melebihi satu dekad.

Yang Arif Hakim Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli menjatuhkan hukuman tersebut terhadap lelaki berusia 43 tahun itu selepas dia mengaku bersalah atas 15 pertuduhan terhadap dua anak saudara perempuannya.

Yang Arif menyifatkan jenayah tersebut sebagai 'sangat kejam dan biadab' dengan menekankan defendan telah mempergunakan peranannya sebagai ahli keluarga terdekat dan menindas perbuatannya sebagai menghianati amanah yang telah diberikan kepadanya.

Penganiayaan tersebut bermula pada 2011 ketika Miss A baru berumur 7 tahun. Manakala adiknya, Miss B juga telah mengalami penderaan seksual oleh defendan dari umur 7 tahun.

Defendan, seorang duda mempunyai dua anak lelaki yang masih kecil yang diberikan amanah untuk menjaga anak saudaranya Miss A dan Miss B.

Dalam satu kejadian pada



# MINDA PEMBACA

## Mensyukuri nikmat kesihatan

**KESIHATAN** adalah nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Tuhan kepada setiap insan. Ia merupakan anugerah yang tidak ternilai tetapi sering kali terlepas pandang akan kepentingannya. Mensyukuri nikmat kesihatan bukan sahaja bermakna menghargai keadaan fizikal dan mental yang baik, tetapi juga melibatkan usaha menjaga dan memelihara kesihatan yang diberikan kepada kita.

Antara cara mensyukuri nikmat kesihatan adalah dengan menjaga tubuh badan melalui amalan gaya hidup yang sihat. Ini termasuk mengamalkan pemakanan yang seimbang, bersenam secara konsisten dan mendapatkan rehat

yang mencukupi.

Apabila kita menjaga tubuh dengan baik, kita menghargai nikmat yang diberikan dan berusaha untuk memastikan kesihatan yang baik kekal berpanjangan. Makan makanan berkhasiat serta mengelakkan makanan yang memudaratkan kesihatan adalah antara usaha untuk menjaga kesihatan secara holistik.

Selain itu, menjaga kesihatan mental juga penting. Kesihatan bukan sahaja melibatkan aspek fizikal tetapi juga kesejahteraan emosi dan mental. Menguruskan tekanan dengan bijak, menjaga hubungan baik dengan keluarga dan sahabat, serta melibatkan diri dalam aktiviti yang membawa ketenangan seperti berzikir

atau bermeditasi adalah sebahagian daripada cara kita mensyukuri nikmat kesihatan mental.

Tambahan pula, mensyukuri nikmat kesihatan boleh dilakukan dengan menghargai kehidupan sehari-hari dan tidak menyalahgunakan tubuh badan yang sihat untuk melakukan perkara yang memudaratkan. Sebagai contoh, mengelakkan tabiat buruk seperti merokok, penyalahgunaan dadah dan apa juga yang boleh mendatangkan kemudaratkan dan bahaya kepada kesihatan kita.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Tuhan atas nikmat kesihatan yang diberikan dengan cara berdoa dan ibadah. Selain itu, sentiasa memohon kepada-Nya agar

dikurniakan kesihatan yang baik, serta bersyukur atas setiap hari yang dilalui dengan tubuh yang sihat, adalah cara terbaik untuk menunjukkan penghargaan terhadap nikmat yang tidak ternilai ini.

Kesimpulannya, kesihatan adalah anugerah yang perlu kita syukuri setiap hari. Dengan menjaga tubuh dan minda, serta menghindari perbuatan yang merosakkan kesihatan, kita menunjukkan rasa syukur yang mendalam atas nikmat kesihatan yang dikurniakan Tuhan.

Nama: Muhammad Nor Iman bin Haji Norman  
No. IC: 01-132XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Manfaatkan Hobi Dalam Menjana Pendapatan'. Tarikh Tutup : 20 November 2024
2. 'Tingkatkan Ekonomi Menerusi Bidang Pertanian'. Tarikh Tutup : 27 November 2024
3. 'Al Membawa Kebaikan Atau Keburukan?'. Tarikh Tutup : 4 Disember 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# EKSPLO 1K1P WUJUDKAN PLATFORM PENGUSAHA TEMPATAN PROMOSI PRODUK

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. – Majlis Perasmian Ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B', Mukim Sengkurong berlangsung hari ini di Dewan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Majlis dirasmikan oleh Pemangku Pegawai DBM, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Penghulu-penghulu



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis berkenaan (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah, antara pengusaha yang menyertai Ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P).



Mukim, Ketua-ketua Kampung DBM dan Pegawai-pegawai Jabatan DBM.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B', Awang Haji Kamal bin Haji Tujoh.

Tetamu kehormat majlis seterusnya melawat ke petak-petak jualan yang ada.

Sebanyak 11 MPK dan 34 vendor luar yang mengetengahkan pelbagai jualan telah ikut serta dalam ekspo jualan berkenaan.

Ekspo Jualan 1K1P diadakan selama empat hari bermula hari ini sehingga 21 November 2024, bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Ekspo berkenaan diadakan sebagai salah satu usaha dalam membantu para pengusaha atau peniaga untuk mempromosi produk masing-masing dalam mengetengahkan Majlis-majlis Perundingan Kampung, DBM di khalayak ramai.

Sementara itu, salah seorang



wakil Ahli MPK Jerudong 'A' dan Jerudong 'B', Dayang Masra binti Haji Bayau, 59 tahun, semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan bahawa dengan adanya ekspo jualan 1K1P seperti berkenaan memberi peluang

kepada beliau untuk mempamerkan hasil produk sekali gus membantu menaikkan ekonomi selain berharap ekspo jualan berkenaan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.


جائين فرانتشن ايكونومي دان ستاتستيك  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JURUANGKAP BIL TERBUKA PENGUSAHA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

### Sila muat turun

# PenggunaBijak

## Nyalaan lampu biru sempena Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia 2024



Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. – Sempena Sambutan Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob (AMR) Sedunia 2024, lampu di jambatan pejalan kaki Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah dinyalakan dengan warna biru.

AMR ialah apabila jangkitan-jangkitan tidak lagi memberi tindak balas kepada rawatan antimikrob.

Tema Minggu Kesedaran AMR Sedunia 2024 (WAAW) pada tahun ini adalah 'Mendidik, Menyokong, Bertindak Sekarang' dan disambut pada setiap tahun dari 18 hingga 24 November.

Sambutan pada tahun ini menggariskan kepentingan dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang AMR dan mempromosi amalan terbaik dalam kalangan pihak berkepentingan untuk mengurangkan kemunculan dan penyebaran AMR atau jangkitan tahan dadah (*drug-resistant infections*).

**NYALAN** lampu warna biru di jambatan pejalan kaki Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sempena Sambutan Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia 2024.

# 42 LUKISAN ARTIS JEPUN DIPAMERKAN



Perasmian Pameran Variation and Autonomy : The Prints Of Contemporary Japanese Painters diadakan di Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Muzium-muzium, Jabatan Muzium-muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Maeda Toru.

Kemudian majlis diteruskan dengan penandatanganan poster yang disempurnakan bersama oleh Tuan Yang Terutama Maeda Toru dan Pengiran Haji Rosli.

Pameran berkenaan adalah sebagai salah satu usaha dalam memperkenalkan seni cetak Jepun, yang dianjurkan oleh Kedutaan Jepun di NBD dengan kerjasama Jabatan Muzium-muzium, KKBS.

Hasil karya lukisan berkenaan meneroka pelbagai kemungkinan melalui seni cetak, seterusnya memperluas ruang ekspresi dalam seni kontemporari dengan menggunakan media cetakan bermula tahun 1960-an hingga 1980-an.

Lukisan - lukisan yang dipamerkan adalah hasil karya artis-artis terdiri daripada Murya Masanari, Onosato Toshinobu, Tabuchi Yasukazu, Kusama Yayoi, Nakanishi Natsuyuki, Nakazato Hitoshi, Murakami Tomoharu, Hikosaka Naoyoshi, Hori Kosai dan Tatsuno Toeko.



**PEMANGKU** Pengarah Muzium-muzium, Jabatan Muzium-muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir menyaksikan pameran berkenaan.

Pameran dibuka kepada orang ramai setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam


9.00 pagi sehingga 5.00 petang, manakala pada Ahad bermula jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jepun dipamerkan bermula hari ini Selasa, 19 November.- Sebanyak sehingga 8 Disember 2024. 42 lukisan hasil karya 10 artis dari Sehubungan dengan itu, Majlis



## Persatuan Alumni UNISSA Thailand Chapter dirasmikan



**PENOLONG** Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai pada Perasmian Penubuhan Perstatuan Alumni UNISSA (Thailand Chapter).

**PATTANI, THAILAND,** Isnin, 18 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Persatuan Alumni UNISSA telah merasmikan penubuhan Persatuan Alumni UNISSA (Thailand Chapter) di salah sebuah hotel di Pattani, Selatan Thailand.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Juga turut hadir ialah Ketua

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Pejabat Hal Ehwal Alumni UNISSA, Dr. Norasiah binti Haji Amai; dan Yang Dipertua Persatuan Alumni UNISSA Sesi 2023-2025, Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin.

Dr. Hajah Lilly Suzana dalam ucapan perasmian menzahirkan rasa syukur dan rasa gembira atas penubuhan persatuan ini yang merupakan sebuah persatuan alumni Institusi Pengajian Tinggi negara yang pertama mempunyai cawangan di luar negara.

Seterusnya, beliau juga mengongsikan beberapa kejayaan dan pencapaian terbaharu yang diraih UNISSA di peringkat antarabangsa, termasuklah pengiktirafan daripada pelbagai agensi luar negara yang semakin bertambah hari demi hari, kebanyakannya menyatakan hasrat untuk menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang.

Alumni UNISSA dari Thailand juga tidak ketinggalan menjadi duta yang menyumbang kepada pengiktirafan ini dengan berbakti kepada masyarakat setempat, membimbing dan mendidik komuniti untuk terus mengikuti ajaran Islam yang betul.

Majlis diserikan dengan forum yang terdiri daripada dua orang alumni UNISSA Thailand dan Yang Dipertua Persatuan Alumni UNISSA dengan tajuk 'Alumni UNISSA : Peneraju Keilmuan dan Kepimpinan Untuk

Generasi Akan Datang' dan sesi perbincangan meja bulat (round table) juga diadakan pada sebelah petang.

Pada majlis berkenaan, Dr. Nirusdi Mata-A telah dilantik menjadi pengerusi persatuan ini.

Setakat ini seramai 50 orang menjadi ahli persatuan ini yang juga merupakan alumni UNISSA daripada para pelajar Thailand yang pernah belajar sejak awal penubuhan UNISSA, Negara Brunei Darussalam.

Antara objektif penubuhan persatuan cawangan ini adalah agar menjadi wadah yang dapat mengumpulkan para alumni UNISSA dari seluruh Thailand serta mengukuhkan semangat kebersamaan antara satu sama lain.

Selain itu, ia juga diharap agar dapat meluaskan lagi jaringan antara alumni dan pihak pengurusan UNISSA dalam merencana pelbagai aktiviti pada masa hadapan.

Perasmian penubuhan ini membuktikan bahawa UNISSA telah berkembang dan melahirkan alumni yang sama-sama menyumbang untuk mencorak masa depan masyarakat sesuai dengan motonya 'Mencorak Khayra Ummah'.

Rombongan juga dijadualkan akan melawat ke beberapa buah pusat dan institusi pendidikan yang diasaskan oleh alumni UNISSA.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**UNISSA / SB0047 / 2024 / 2025**  
To Supply and Deliver One (1) Unit Camera for Centre of International and Public Relations, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0048 / 2024 / 2025**  
Supply and Delivery of Chemicals for UNISSA Research Grant Titled "Organic Approach for Restoring Phosphorus Availability to Improve Acid Soil and Crop Productivity in Brunei Darussalam"

**UNISSA / SB0049 / 2024 / 2025**  
Supply and Delivery of Glassware and Laboratory Items for UNISSA Research Grant Titled "Organic Approach for Restoring Phosphorus Availability to Improve Acid Soil and Crop Productivity in Brunei Darussalam"

**UNISSA / SB0050 / 2024 / 2025**  
To Supply, Deliver and Renewal License for Fortigate FG-400F Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0051 / 2024 / 2025**  
Membekal dan Menghantar Bahan-Bahan Kertas untuk Mesin Cetak C-800 Digital Canon Imagepress Kegunaan Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0052 / 2024 / 2025**  
To Supply and Install Customised Stickers on Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Vehicles

**UNISSA / SB0055 / 2024 / 2025**  
To Supply and Install New Smart Home System for Campus Gadong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
4 Disember 2024, Rabu, tidak lewat jam 2.00 Petang.



**UNISSA / SB0056 / 2024 / 2025**  
Perkhidmatan Penyewaan Ruang & Pengendalian Café di Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi tempoh dua (2) tahun

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
4 Disember 2024, Rabu, tidak lewat jam 2.00 Petang.



bagi

Daerah Temburong

Kampung Belingos, Mukim Bangar  
Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi  
Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencilonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencilonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Temburong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencilonan adalah pada Sabtu, 26 Jamadilakhir 1446 bersamaan 28 Disember 2024, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 ext 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.

Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong

**Ketua Kampung Belingos, Mukim Bangar**

- Kampung Belingos
- Pekan Bangar
- Kampung Subok
- Kampung Bang Bulan
- Kampung Lagau
- Kampung Piungan

**Ketua Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi**

**UNISSA / SB0053 / 2024 / 2025**  
Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Landskap bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Gadong selama satu (1) tahun – [Class: 1 & Above] & [Category: KPB12]

**UNISSA / SB0054 / 2024 / 2025**  
Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Landskap dan Kolum Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Sinaut Tutong selama satu (01) tahun – [Class: 1 & Above] & [Category: KPB12 & KPME01]

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
4 Disember 2024, Rabu, tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
55 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024  
Supply, Delivery, Installation, Testing, and Dismantling of Projectors with HDMI Upgrades for Classrooms at Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Campus

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 11 Disember 2024, Jam 2.00 Petang.



- Kampung Selapon
- Kampung Lamaling
- Kampung Sekurop
- Kampung Rebada
- Kampung Simbatang

**Ketua Kampung Selangan, Parit Dan Biang Menengah, Mukim Amo**

- Kampung Selangan
- Kampung Parit
- Kampung Sibulu
- Kampung Biang Menengah
- Kampung Belaban

**UNISSA / LTK / PPK / GDG(3TAHUN) / 2026-2028:**  
Tawaran Perkhidmatan Pengawal Keselamatan (Security Guard Services) di Kampus Gadong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi tempoh selama tiga (3) tahun

**UNISSA / LTK / PPK / SNT(3TAHUN) / 2026-2028:**  
Tawaran Perkhidmatan Pengawal Keselamatan (Security Guard Services) di Kampus Sinaut Tutong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi tempoh selama tiga (3) tahun

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
17 Disember 2024, Selasa, (tidak lewat jam 2.00 Petang)



**Bilangan Tawaran:**  
12 / BBS / SH(K) / 2024-2025

**Keterangan Projek:**  
Membekalkan 3 Unit Mesin Pencetak untuk Kakitangan di Bahagian Penaksiran dan Percukaian Bangunan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**  
13 / BBS / SH(K) / 2024-2025

**Keterangan Projek:**  
Membekalkan Peralatan Pejabat (Ink Cartridge) di Bahagian Penaksiran dan Percukaian Bangunan dan Bahagian Pengurusan Letak Kereta Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00 (Non-Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 3 Disember 2024, Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
REG / 2024-2025 / SH-03

**Tajuk**  
Design, Supply and Delivery of Inspectorate Uniform and Accessories Including Personal Protective Equipment (PPE) for Regulatory Inspectorate Personnel, Department of Civil Aviation, Ministry of Transport And Infocommunications

**Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :**  
20 November 2024, Rabu.

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :**  
3 Disember 2024, Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
4 Disember 2024, Rabu, (tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Penerbangan Awam d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



**Pembekalan Perabot-Perabot Untuk Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam**

**Rujukan Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPP / BL / Q / 2024-23

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
3 Disember 2024, Selasa, Jam 2.00 Petang.



Jawatan Kosong sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3**  
(BND2,270 - BND4,240)

atau

**Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2**  
(BND1,990 - BND2,970)

atau

**Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1**  
(BND1,280 - BND2,270)



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

**Kelas :**  
Vehicles Suppliers / Agents Only

**Kategori:**  
Vehicles Suppliers / Agents Only

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**  
3 Disember 2024 (Selasa).

**Tarikh Tutup :**  
17 Disember 2024 (Selasa)  
Tidak Lewat dari jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-ME / 25 / 2024

**Nama Projek:**  
Membekal Lima (5) Unit Kenderaan '7-Seaters 4WD, Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Kerja Raya (Fasa 2)

**Yuran Tawaran :**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

**Kelas :**  
Open

**Kategori :**  
KPB03  
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
3 Disember 2024.

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 40 /  
CQS / 2024-T / II

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Membaikpulihan dan Mengganti Tiang (Spun Piles) yang patah pada Kejadian Jun 2024 bagi Jambatan Penghubung Kampong Bolkih A dan B (Retender)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
17 Disember 2024.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

**Kelas :**  
[V atau VI Sahaja]

**Kategori :**  
KA01 & KPB04 sahaja

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 037 / 2024

**Nama Projek:**  
Meningkatkan Taraf Loji-Loji Rawatan Air Bukit Baru Peringkat 8 - Pakej 2, 'Improvement Works'

**Yuran Tawaran :**  
BND2,000.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
3 Disember 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
17 Disember 2024.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Jun 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
Shahminan Bin Hj Sulaiman  
No. 31, Spg. 126,  
Jalan Kamangsi,  
RPN Kg. Meragang,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
29 Mei 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
29 Oktober 2024

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**  
**BCY / CP / 55 / 2024**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**  
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Shahminan Bin Hj Sulaiman**  
BYIC No. 00-053738  
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 31

**Tajuk Tawaran:**  
To Design, Supply and Deliver Souvenirs of Brunei Tourism Merchandise

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 32

**Tajuk Tawaran:**  
To Print, Supply and Delivery of Brunei Tourism Brochures & Booklet

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 33

**Tajuk Tawaran:**  
Event Management Services for Networking Session in Jakarta, Indonesia, January 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 5 Disember 2024.  
Jam 2.00 Petang.



**PERATURAN  
PENGIKLANAN**

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Jun 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 12 November 2024 jam 10.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 November 2024 jam 10.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal

penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
29 Oktober 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 56 / 2023**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**  
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Nurul Arshil Azim Bin Abdul Kadir**  
BYIC No. 00-274015  
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 April 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
Nurul Arshil Azim Bin Abdul Kadir  
No. 6,  
Jalan Sungai Tampoi,  
Kampong Sengkurong BG1121,  
Brunei Darussalam.

>> Muka 15

**Tarikh Petisyen:**  
14 Oktober 2023

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.



**Jawatan Kosong sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3**  
(BND2,270 - BND4,240)

atau

**Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2**  
(BND1,990 - BND2,970)

atau

**Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1**  
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

**Daerah Belait**

- Ketua Kampung Mumong B
- Kampung Sungai Teraban
- Ketua Kampung Lumut I
- Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan I
- Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 1
- Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 2
- Ketua Kampung Sungai Bera
- Ketua Kampung Panaga

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Belait Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengemalikan borang pencalonan adalah pada **Khamis, 30 Rejab 1446 bersamaan 30 Januari 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +6733334335 / 336 ext 1115 / 1127 / 1185.



c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
28 Oktober 2024

**Kes No.**  
BCY / CP / 56 / 2023

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**  
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Nurul Arshil Azim Bin Abdul Kadir**  
BYIC No. 00-274015  
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 April 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 12 November 2024 jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 November 2024 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
28 Oktober 2024

**Kes No.**  
BCY / CP / 72 / 2023

**Baiduri Finance Berhad**  
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Nor Epenny Anak Epesus**  
ABDB No. 01-068589

Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 Julai 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

Nor Epenny Anak Epesus  
No. 16, Spg. 135-24,  
STKRJ Kg. Rimba, Gadong  
or at Unit 7, Spg. 646,  
Kg. Bunut, Jalan Tutong  
BF1320, Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
22 Mei 2023

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
28 Oktober 2024

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 12 November 2024 jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 November 2024 jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
28 Oktober 2024

**Kamaliah Fadhilah Binti Haji Ibrahim**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

B/P Pegawai Penerima Resmi Mahkamah Besar



**Jawatan Kosong Sebagai Penghulu Mukim Tingkat III - PMKK.4**  
(BND3,880 - BND4,240)

**Bagi Daerah Belait**

- Mukim Melilas
- Mukim Labi

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Belait Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengemalikan borang pencalonan adalah pada **Khamis, 30 Rejab 1446 bersamaan 30 Januari 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +6733334335 / 336 ext 1115 / 1127 / 1185.





**سوروهنجاي قرحدمتن عوام**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
WWW.SPA.GOV.BN | WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



## Panduan Memohon Jawatan Kosong Menggunakan PSCR 2.0

**ISI KANDUNGAN TAKLIMAT:**

- ✓ PENGENALAN P5C RECRUITMENT 2.0
- ✓ TATACARA MENGGUNAKAN PORTAL PSCR 2.0 DAN MELENGKAPKAN PROFIL
- ✓ TATACARA MEMOHON JAWATAN KOSONG DI PERKHIDMATAN AWAM DENGAN BETUL
- ✓ KESALAHAN-KESALAHAN DI DALAM AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
- ✓ SESI SOAL JAWAB

**SILA DAFTAR SEKARANG**

**26 OKTOBER 2024, HARI SABTU**

**9.00 PAGI/ 2.00 PETANG**

**DEWAN TKT 1, WING A, BANGUNAN SPA**



Imbas kod QR atau layari pautan di bawah  
<https://bit.ly/TAKLIMATPSCR24>  
untuk membuat pendaftaran

# DEKATI MASYARAKAT MELALUI PROGRAM SUA MUKA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Azmah Haji Ahad



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 November. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik meneruskan inisiatifnya iaitu Program Sua Muka bagi Kampung Zon 3 Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara bertempat di Dewan Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, hari ini.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim serta beberapa pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Dayang Mufidah dalam mukadimah antara lain menerangkan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam membarigakan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Menurutnya, sebagai salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka, ia dihasratkan dapat mengeratkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program dengan berhubung bersama masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka Penerangan ini juga tambahnya, bukanlah satu program yang baharu malah program ini sudah lama diadakan dari sejak tahun 1980-an lagi walau bagaimanapun tujuannya masih sama dari dulu hingga sekarang iaitu meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan melalui pembarigakan maklumat dan mengendalikan komunikasi bersemuka yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Melalui program ini juga dikongsikan pesanan awam mengenai penyebaran maklumat palsu (*fake news*), impaknya dan juga tatacara untuk membuat laporan mengenainya.



**PEMANGKU** Pegawai Penerangan Kanan selaku Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bagi Kampung Zon 3 Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara (atas dan atas kiri).

Turut hadir menyampaikan taklimat ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga; Unified Smart Metering System (USMS) dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Juga hadir, Penghulu Mukim Zon 2, Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid semasa ditemu bual juga melahirkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Penerangan atas usaha dalam menjalankan Program Sua Muka kepada penduduk Kampung Zon 3 Kampong Ayer iaitu Kampung Setia 'A', Kampung Setia 'B' dan Kampung Sungai Kebun pada kali ini.

Awang Raimi berharap dengan adanya program seperti ini mudah-mudahan Jabatan Penerangan akan dapat menyampaikan lagi maklumat dan segala isu yang berkepentingan serta kemaslahatan yang di hadapi oleh penduduk kampung kepada pihak-pihak yang berkepentingan bagi sama-sama memeduli kebajikan penduduk kampung

selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Program seperti ini telah disambut baik oleh penduduk Kampung Ayer dan saya berharap mudah-mudahan segala yang telah disampaikan oleh penduduk kampung kepada pihak Jabatan Penerangan ini akan sedikit sebanyak membantu masyarakat yang tinggal di Kampung Ayer," tambahnya lagi yang sekarang juga memangku jawatan Penghulu Mukim Zon 1 Kampong Ayer.

Sementara Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim juga berterima kasih di atas peluang dan kesempatan bagi menyampaikan isu-isu yang berkaitan dengan kemaslahatan dan kesejahteraan penduduk kampung.

Setentunya adanya program ini juga dapat memberikan manfaat kepada penduduk kampung melalui penyampaian maklumat-maklumat terkini yang disampaikan oleh agensi kerajaan

yang perlu diketahui oleh penduduk kampung dan sekali gus membantu mengukuhkan hubungan erat di antara pihak kerajaan dan penduduk kampung.

Program turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan keselamatan, kebajikan, infrastruktur, prasarana dan kemudahan awam di kampung-kampung berkenaan.



**PEMANGKU** Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim semasa berucap.

## Operasi Sepadu bagi menguatkuasakan akta, peraturan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja



**UNIT** Penguatkuasaan Tabung Amanah Pekerja semasa melaksanakan Operasi Sepadu bersama dengan Unit Sukatan dan Timbangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 November. - Unit Penguatkuasaan Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah melaksanakan Operasi Sepadu bersama dengan Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan

Ekosistem Perniagaan (IBE) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, ke atas 51 premis perniagaan di kawasan Kampung Madang dan Kampung Pasir Berakas, Lambak pada Selasa,

12 November 2024.

Operasi ini bertujuan untuk menguatkuasakan Akta dan Peraturan seperti berikut, iaitu Akta Skim Persaraan Kebangsaan (SPK), National Retirement Scheme Order, 2023; dan Akta SDT 1983 Penggal 151.

Hasil daripada lawatan tersebut, pegawai-pegawai pemeriksa TAP telah memeriksa dan mendapati seramai 22 pekerja tempatan masih lagi belum didaftarkan dan dicarumkan ke dalam SPK.

TAP dengan ini ingin mengingatkan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan dan membayar caruman pekerja-pekerja yang layak ke skim SPK.

Setiap pekerja yang memenuhi persyaratan skim adalah dimestikan untuk mempunyai simpanan persaraan untuk dimanfaatkan di hari persaraan mereka nanti.

Ini termasuklah pekerja

sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari, dan pekerja di dalam tempoh percubaan.

Di bawah Bab 35 (1), National Retirement Scheme Order, 2023, jika sabit kesalahan, majikan boleh didenda tidak lebih dari BND3,000 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih dari BND10,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

TAP ingin memaklumkan kepada majikan bahawa proses pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja telah dipermudahkan dengan hanya menggunakan perkhidmatan *online* TAP, e-Amanah.

Para majikan boleh melog masuk ke akaun portal e-Amanah masing-masing melalui laman sesawang TAP di [www.tap.com.bn](http://www.tap.com.bn).

Unit SDT juga mendapati sebanyak 11 unit alat timbangan digunakan bagi tujuan perniagaan. Tiga unit daripadanya gagal mematuhi Peraturan-peraturan

(Penelitian) Alat-alat SDT 1994, 3 (1) dan (2), Akta SDT 1983 Penggal 151.

Pihak syarikat telah dikeluarkan Notis Peringatan dan dikehendaki untuk hadir ke Pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu berkenaan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut, iaitu Unit Penguatkuasaan TAP menerusi talian +673 7302929 ataupun melalui e-mel di [enforcement@tap.com.bn](mailto:enforcement@tap.com.bn), Cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 semasa waktu bekerja.

Bagi ahli yang telah berdaftar ke e-Amanah, bolehlah mendaftar masuk ke akaun ahli aduan boleh dibuat melalui laman sesawang TAP di [www.tap.com.bn](http://www.tap.com.bn).

Unit SDT melalui e-mel di [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau menerusi talian +673 2334092 semasa waktu bekerja.

# 63 PELAJAR DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Sekolah Menengah Berakas

**BERAKAS**, Isnin, 18 November. - Seramai 63 pelajar Tahun 11 Sekolah Menengah Berakas diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Anggerek sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Menengah Berakas, Awang Ismail bin Dato Pengarah Haji Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafriyyah beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Seterusnya, para peserta khatam memulakan bacaan surah-surah dan kemudiannya bacaan Takhtim oleh para pelajar perempuan Tahun 9 dan Tahun

10. Doa Khatam pula dibacakan oleh salah seorang peserta khatam, iaitu Awang Md. Khairil Khusyairi bin Haji Zulkhairi (11Sci1).

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban oleh para pelajar lelaki Tahun 9 dan Tahun 10.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat majlis juga turut menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta khatam.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dikepalai oleh Awang Ridha bin Haji Asmat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Pengetua Akademik, Sekolah Menengah Berakas, Awang Mohammad Saiful Azhar bin Haji Moxsin; guru-guru, kakitangan, ibu bapa dan penjaga serta para pelajar sekolah berkenaan.



SESI bergambar ramai bersama para pelajar pada Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Anggerek, Sekolah Menengah Berakas.

## 9 pelajar tamat aktiviti pembungkusan diraikan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah



**PARA** pelajar yang menyertai aktiviti pembungkusan *condiments* KFC Brunei Sdn. Bhd. bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. - Satu Majlis Penyampaian Sijil telah diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Othman pagi tadi bagi meraikan pencapaian pelajar dalam menyempurnakan aktiviti pembungkusan *condiments* KFC Brunei Sdn. Bhd.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengerusi Perolehan KFC Brunei Sdn. Bhd., Clarice Petrus, yang juga menyampaikan sijil penyertaan kepada sembilan pelajar Program Pra-Vokasional.

Juga hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-sekolah (JSS), Pengurus Gudang dari KFC Brunei Sdn. Bhd., Adriana binti Abdullah; Timbalan Pengetua Akademik, Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Dayang Edna Maria binti Haji Osman; Timbalan Pengetua Pentadbiran, guru-guru dan pelajar.

Dayang Edna Maria dalam ucapan alu-aluannya merakamkan penghargaan terima kasih kepada KFC Brunei Sdn. Bhd. dan JSS

atas aktiviti pembungkusan kerjasama sejak 2014 di sekolah menengah kerajaan yang terpilih.

Beliau berharap projek kerjasama itu akan dapat diteruskan dalam masa terdekat kerana ia membantu membangunkan kemahiran kebolehpasaran pelajar dan memperoleh pengalaman kerja sebagai persediaan untuk penempatan latihan kerja dan pekerjaan selepas tamat program.

Pada akhir majlis, Dayang Edna Maria turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Pengurus Perolehan KFC dan Pengurus Gudang KFC Sdn. Bhd.

Sekolah Menengah Sayyidina Othman merupakan sekolah menengah kerajaan ketiga yang terlibat dalam pembungkusan *condiments* daripada KFC Brunei Sdn. Bhd.

Pada masa ini, terdapat tiga sekolah menengah kerajaan yang melaksanakan projek ini, iaitu Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Sekolah Menengah Mengliat dan Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

# Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Azmah Haji Ahad

## Daging Urat Masak Asam Limpaung Kampung Bebuloh

|   |  |  |
|---|--|--|
| <p><b>BAHAN-BAHANNYA :</b><br/>                 1 kg daging urat - dipotong ikut suka<br/>                 2 batang serai - diketuk<br/>                 1 inci halia<br/>                 4 ulas bawang merah<br/>                 3 ulas bawang putih<br/>                 3 ulas kunyit hidup<br/>                 1 sudu kecil serbuk kunyit<br/>                 2 atau 3 biji asam limpaung - dihiris nipis<br/>                 Beberapa biji cili hijau dan merah</p> | <p>Garam dan serbuk perasa secukupnya<br/>                 Minyak untuk menumis<br/>                 Air secukupnya</p> <p><b>CARA MEMBUATNYA :</b><br/>                 Potong daging ikut suka. Halia, bawang merah, bawang putih, kunyit dikisar menggunakan sedikit minyak. Tumis bahan-bahan kasar hingga naik bau lalu masukkan serai dan serbuk kunyit.</p> | <p>Apabila bahan tumis tadi pecah minyak lalu masukkan daging dan gaul rata. Masukkan air, garam dan serbuk perasa secukupnya.</p> <p>Setelah daging separuh empuk baru masukkan asam limpaung secukupnya dan beberapa biji cili merah dan hijau dan teruskan memasak hingga daging tersebut benar-benar empuk dan lembut.</p> |
|---|--|--|

# 125 PELANCONG BERPELUANG TEROKAI KEINDAHAN NBD

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. - Ahli Geografi Terumbu Karang (The Coral Geographer) membuat lawatan sulungnya ke negara ini hujung minggu lalu, yang tiba dari Kota Kinabalu dengan 125 pelancong.

Lawatan ini menandakan kapal persiaran antarabangsa keenam yang berkunjung ke negara ini pada 2024.

Kapal persiaran tersebut berlabuh selama dua hari, membolehkan penumpang meneroka beberapa tempat tarikan pelancong yang terdapat di Negara Brunei Darussalam (NBD) sebelum meneruskan ke Miri, Sarawak.

Semasa lawatan tersebut, para pelancong turut terlibat dalam pelbagai aktiviti kebudayaan di Rumah Panjang Mendaram, termasuk persembahan

kebudayaan, demonstrasi meniup sumpitan, dan anyaman kipas.

Atur cara mereka juga termasuk lawatan bandar berpandu, yang menampilkan mercu tanda ikonik seperti Muzium Alat Kebesaran Diraja, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Istana Nurul Iman dan Kampung Ayer yang bersejarah.

Penumpang kapal persiaran berkongsi kegembiraan mereka melawat tempat-tempat menarik di NBD, terutamanya Muzium Alat Kebesaran Diraja, Kampung Ayer dan seni bina Jame' 'Asr Hassanih Bolkiah yang mengagumkan.

Mereka juga berkesempatan melawat ke Rumah Panjang Mendaram Besar dan mereka berpeluang mencuba resepi ayam buluh, makanan istimewa

tempatan yang digemari serta meningkatkan pengalaman budaya mereka.

Ketibaan berterusan kapal persiaran antarabangsa menggariskan reputasi NBD yang semakin meningkat sebagai destinasi pelayaran yang digemari.

Pada 2024, NBD mengalu-alukan enam kapal persiaran, yang menempatkan seramai 7,309 pelawat antarabangsa.

Dengan enam lagi kapal persiaran dijangka tiba sebelum akhir tahun, bilangan penumpang pelayaran dijangka melepasi angka tahun lepas.

Jabatan Kemajuan Pelancongan amat teruja dengan ketibaan Seven Seas Explorer, yang dijadualkan memasuki perairan NBD pada 28 November 2024 nanti.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**



AHLI Geografi Terumbu Karang (The Coral Geographer) menyaksikan beberapa tempat tarikan pelancong yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

# Mempersiapkan Muslimah dari segi ilmu, kefahaman Islam



PARA panel forum semasa menyampaikan pembentangan berkaitan isu saudara-mara di Palestin.

**SENGKURONG**, Isnin, 18 November. - Kumpulan Belia Syababul Iman baru-baru ini berjaya menganjurkan Program Bicara An-Nisa Kali Ke-11 yang menyasarkan khusus untuk kaum wanita amnya dan Muslimah khasnya di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Di era globalisasi yang serba

canggih ini, pelbagai isu berkisar perihal wanita terutamanya wanita-wanita Islam telah timbul. Permasalahan ini timbul antara lain kerana kekeliruan tentang pemahaman atau maksud menjadi wanita Islam dalam erti kata sebenar.

Oleh itu, program ini hadir bagi membantu mempersiapkan para

wanita amnya dan Muslimah khasnya dengan bekalan ilmu bagi menghadapi pelbagai cabaran di luar sana.

Bicara An-Nisa Siri Ke-11 kali ini berbentuk forum yang menampilkan tiga ahli panel yang mengupas berkaitan isu saudara-mara di Palestin yang memfokuskan kepada mempelajari ketabahan ibu, wanita dan kanak-kanak di Palestin.

Forum yang dihadiri oleh seramai 60 peserta itu dibukakan kepada masyarakat umum secara amnya dan para Muslimah di seluruh tanah air khususnya.

Program ini juga mengupas pelbagai isu semasa yang berkaitan dengan perihalan-perihalan kewanitaan, dan memberikan solusi dan bimbingan dalam menghadapi isu tersebut menurut kaca mata Islam.

Forum antara lain bertujuan untuk melahirkan generasi Muslimah yang peka terhadap isu-isu semasa, membantu mempersiapkan para Muslimah dari segi ilmu dan kefahaman Islam bagi menghadapi pelbagai isu dan cabaran, melahirkan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Belia Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong**

perasaan cinta terhadap majlis-majlis ilmu dan masjid, mencontohi keteguhan wanita Palestin dalam menghadapi ujian kehidupan, dan sebagai salah satu program mengumpul dana untuk Tabung Kemanusiaan Palestin.

Para panel forum terdiri daripada Penolong Profesor Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti

Haji Abdul Rahman; Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Nurhuwaina binti Mamud; Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dayang Siti Hurul Ain Diyana@Vienna binti Haji Abdul Majid; dan dipengerusikan oleh Pensyarah Kolej International Graduates Studies (IGS) dan Ahli Jawatankuasa Kumpulan Syababul Iman, Dayang Bazilah binti Haji Asli.



SESI bergambar ramai pada Program Bicara An-Nisa Kali Ke-11.

# Pastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi



OPERASI Siaga 251/2024 yang dilaksanakan di kawasan Kampung Manggis dan Kampung Pulaie (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 251/2024 pada 12 November 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan

dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan bagi kegiatan perkhidmatan penyewaan bas dan gerai makan di kawasan Kampung

Manggis dan Kampung Pulaie telah mendapati empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan kepada pekerja tempatan dan pekerja asing, iaitu Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan; Bab 10, majikan tiada menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan kepada pekerja-pekerja; dan Bab 86, gagal mendapatkan kebenaran tempat pekerjaan dan gagal membuat penyusunan semula penempatan pekerja tambahan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu,

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**



Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada pekerja, memberikan cuti tahunan kepada pekerja dan

memberikan kebenaran cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



## Bersama kita menciptakan dunia lebih baik untuk masa depan anak-anak

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**H**ARI Kanak-kanak Sedunia (World Children's Day) diraikan pada 20 November setiap tahun untuk memperingati United Nations Convention on the Rights of the Child, dengan setiap kanak-kanak mempunyai hak asasi yang harus dihormati dan dipelihara.

Hari Kanak-kanak Sedunia mula disambut pada tahun 1954 bagi menggalakkan kebersamaan antarabangsa, kesedaran terhadap kanak-kanak di seluruh dunia dan menambah baik kebajikan kanak-kanak.

Hari istimewa ini menawarkan kepada kita titik permulaan inspirasi untuk menyokong, mempromosikan dan meraikan hak kanak-kanak, dalam pada masa sama membina dunia yang lebih baik untuk kanak-kanak.

Bagaimanapun, masih ada di luar sana kanak-kanak yang tidak mendapat keistimewaan dan hak yang sewajarnya mereka terima. Seperti contoh, peperangan di Syria telah memberi impak besar dalam kehidupan anak kecil di sana. Kebanyakan daripada anak-anak ini hilang tempat bergantung, sama ada kematian ibu bapa akibat peperangan atau dipisahkan ekoran konflik bersenjata yang mengakibatkan ribuan kanak-kanak di sana memerlukan

bantuan kemanusiaan segera.

Pada tahun ini, merupakan kali ke-18 Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) meraikan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia yang membawa tema 'Setiap Kanak-Kanak Punya Hak'. Hari ini menjadi platform penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak kanak-kanak seperti pendidikan, kesihatan, dan keselamatan.

Hari Kanak-kanak Sedunia juga merupakan platform untuk meningkatkan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi oleh ramai kanak-kanak, termasuk mereka yang menghadapi kesukaran dalam pelajaran, mereka yang berkelainan upaya, yang hidup dalam kemiskinan, yang terjerat dalam isu-isu sosial dan masalah keluarga. Oleh itu, semua agensi kerajaan, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), swasta, ibu bapa, guru dan masyarakat akar umbi memainkan peranan yang penting dalam melindungi dan merealisasikan hak yang sama bagi semua kanak-kanak dalam pendidikan, keselamatan dan kesihatan serta memastikan tidak ada kanak-kanak yang tercicir.

Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia pada tahun ini adalah seruan untuk bertindak bagi semua pihak sama ada penggubal dasar, penguat kuasa, ibu bapa, guru-guru

dan masyarakat untuk berusaha ke arah dunia yang lebih inklusif dengan hak setiap kanak-kanak diutamakan dan mereka diberi peluang untuk mencapai potensi penuh. Marilah kita pastikan anak-anak *kitani* hari ini, sempena Hari Kanak-kanak Sedunia ini, dapat merayakan kepelbagaian budaya dan sosial kanak-kanak di seluruh negara serta menggalakkan mereka untuk berimpian tinggi dan mencapai potensi penuh mereka.

Setiap kanak-kanak adalah keajaiban dengan cara dan prosesnya masing-masing. Tidak ada yang lebih baik dan lebih buruk. Mereka berhak menjadi dirinya sendiri. Mereka merupakan sumber daya dunia yang paling berharga dan harapan terbaik untuk masa depan.

Tidak ada gambaran yang lebih indah daripada kanak-kanak yang tersenyum, bermata cerah dan bahagia. Tidak ada muzik yang begitu manis seperti tawa mereka yang jernih dan nyaring. Semoga semua kanak-kanak dari pelbagai penjuru dunia tidak hanya berkesempatan merayakan Hari Kanak-kanak Sedunia, tetapi benar-benar mencapai kebahagiaannya masing-masing dengan cara mereka.

Hari Kanak-kanak Sedunia adalah peluang untuk kita semua menghargai dan melindungi masa depan generasi muda. Kanak-kanak adalah aset berharga yang

akan menentukan arah tuju dunia pada masa hadapan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan hak mereka dilindungi dan kebajikan mereka terjamin.

Bersempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia hari ini, kita juga seharusnya mengenang penderitaan ratusan ribu kanak-kanak di Gaza yang kehilangan hak-hak untuk hidup dengan aman damai, kehilangan hak untuk dilindungi bersama keluarga tercinta yang masih bergelut dengan konflik perang yang menjadi mangsa serangan rejim Israel sejak 7 Oktober 2023 di mana pada masa ini seluruh dunia begitu terkesan dengan perang Palestin-Israel yang semakin meruncing. Marilah kita mendoakan agar semua kanak-kanak khususnya yang berada di Gaza diberikan perlindungan daripada sebarang bentuk kezaliman. Dengan iringan doa serta seruan bagi seluruh masyarakat untuk memedulikan dan menyayangi kanak-kanak kita dan kanak-kanak di seluruh dunia, marilah kita mengucapkan 'Selamat Hari Kanak-kanak Sedunia' kepada seluruh kanak-kanak di NBD dan seluruh dunia. Anak-anak menginginkan waktu kita lebih daripada segalanya. Bermainlah bersama mereka, ajari mereka dan sayangi mereka kerana mereka adalah amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.





## KUPU SB lahirkan masyarakat berilmu, beramal, bertakwa menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**P**ENUBUHAN Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) merupakan mercu tanda dalam memartabatkan perguruan agama di negara ini malah KUPU SB dihasratkan untuk menjadi sebuah institusi pengajian perguruan agama yang unggul dan mampu untuk memenuhi keperluan negara di samping bersedia untuk membuka pintunya untuk keluar negara bagi siapa yang berminat.

Masa depan KUPU SB adalah cerah berdasarkan kerjaya perguruan agama adalah sentiasa diperlukan. Pada suatu masa dahulu, Brunei pernah ketandusan tenaga guru agama. Sehingga untuk sekian lamanya terpaksa meminjam daripada negara jiran.

### Latar belakang Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan

KUPU SB merupakan satu-satunya kolej universiti yang menawarkan program-program latihan dalam bidang perguruan agama di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan merupakan kesinambungan daripada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan iaitu berikutan pengisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor KUPU SB dalam titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1428 bersamaan 20 Januari 2007 Masihi.

Penubuhan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan merupakan sebuah projek di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama pada ketika itu dan telah diperkenan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan semasa menjadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan pada bulan Januari 1964.

Bangunan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan mula dibina pada 8 Julai 1968 atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang turut berkenan bercemar duli meletakkan batu asas maktab berkenaan

pada tarikh tersebut. Pembinaan bangunan maktab ini telah sempurna pada akhir tahun 1970.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan supaya maktab berkenaan diberikan nama 'Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan' menerusi warkah baginda Bil: HHPO. 11/64 bertarikh 7 Julai 1971. Gelaran Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien iaitu Paduka Seri Begawan Sultan telah diabadikan kepada maktab ini.

Pada 5 Julai 1975M bersamaan 25 Jamadilakhir 1395H, maktab ini telah dibuka dengan rasminya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam satu upacara yang penuh adat istiadat dan tradisi kebruneian. Seramai 47 penuntut yang merupakan pelajar-pelajar terawal maktab telah dikurniakan Sijil Pelajaran Ugama sebagai Guru-guru Ugama Terlatih dalam satu Majlis Penyampaian Sijil pada upacara pembukaan rasmi pada hari tersebut.

Kebawah DYMM pada majlis tersebut juga turut bertitah :

*"Kepada semua guru-guru di negeri ini dan bakal-bakal guru-guru yang masih menuntut di Maktab Perguruan, beta ingin menyatakan bahawa kejayaan seseorang guru tidaklah hanya bergantung pada kemahirannya dalam menyampaikan pelajaran pada kanak-kanak tetapi kejayaan yang sebenarnya ialah guru-guru itu sendiri mempunyai tingkah laku yang baik, taat kepada ajaran-ajaran Allah dan lebih-lebih lagi berjaya menjadi contoh tauladan dan ikutan yang baik kepada murid-murid mereka, juga kepada orang ramai. Adalah diharapkan semoga guru-guru yang akan keluar dari maktab ini akan dapat membuktikan bakat dan kebolehan masing-masing sebagai pendidik yang sejati dan berjaya mengasuh murid-murid yang berbudai tinggi lagi terpuji dan berilmu pengetahuan".*

Untuk menjadikan perjalanan maktab ini lebih teratur dan tersusun pentadbirannya, maka persiapan-persiapan telah diusahakan seperti melantik seorang pengetua, tenaga-tenaga pengajar serta kakitangan pentadbiran yang mana telah dapat disediakan sebelum maktab ini memulakan tugasnya sebagai pusat bagi Latihan Perguruan Ugama yang pertama di NBD.

Sejak daripada penubuhannya pada tahun 1972, maktab ini telah berkembang maju seiring dengan tuntutan dan cabaran semasa terutamanya dalam penyediaan pendidikan perguruan agama yang berkualiti. Lulusan maktab ini telah membuktikan mutu perkhidmatan mereka yang cemerlang dalam pendidikan agama sehingga agama Islam terus kukuh menjadi pegangan dan amalan orang-orang Brunei. Sepanjang 33 tahun usia penubuhan, maktab ini telah berjaya melahirkan seramai 3,956 orang guru agama terlatih.

### Penaiktarafan maktab ke kolej universiti

Seiring dengan perancangan masa depan dan keperluan bagi mempelbagaikan lagi bidang program kursus bagi jangka masa panjang, satu urus setia dan beberapa buah jawatankuasa telah ditubuhkan termasuk jawatankuasa pandu dengan tujuan bagi rancangan meninggikan taraf Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan menjadi sebuah kolej universiti. Pada bulan September 2006, cadangan bagi Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan untuk dinaik taraf menjadi sebuah kolej universiti telah disokong dengan pengkhususan dalam profesion perguruan dan pembelajaran yang berkesan dalam bidang keagamaan, khasnya bidang-bidang hal ehwal agama, masjid dan dakwah.

Sehubungan itu, bersempena dengan Awal Tahun Hijrah 1428 iaitu 1 Muharam 1428H bersamaan 19 Januari 2007M, Kebawah DYMM telah mengurniakan titah bagi penaiktarafan maktab ini menjadi KUPU SB. KUPU SB akan turut dikenali sebagai Seri Begawan Religious Teachers University College dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Arab.

Sejak dari penaiktarafannya, KUPU SB semakin giat dalam menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang perguruan agama pada peringkat pengajian sijil, diploma, ijazah dan ijazah lanjutan serta kursus-kursus pemantapan bagi bakal guru dan guru yang sudah berkhidmat yang disokong oleh tenaga-tenaga akademik terdiri daripada profesor madya, penolong kanan profesor, pensyarah, penolong pensyarah dan guru agama.

### Matlamat KUPU SB

KUPU SB berdiri dengan visi iaitu untuk menjadi sebuah institusi perguruan agama yang unggul dalam melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan negara.

Misi KUPU SB adalah untuk menyebarkan dan mempertahankan agama Islam tulen melalui perguruan agama berlandaskan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dengan pendekatan pengajaran berkesan yang berteknologi terkini berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB) dan Falsafah Pendidikan Negara.

### Antara objektif yang menjadi landasan usaha KUPU SB adalah :

1. Menawarkan program akademik dan latihan perguruan yang relevan selari dengan kehendak dan keperluan pihak yang berkepentingan di dalam negara;
2. Mempraktikkan pengurusan sistem dan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan menerusi penggunaan teknologi terkini dalam meningkatkan kompetensi warga KUPU SB supaya mereka dapat berkembang maju, berkemahiran dan berilmu pengetahuan;
3. Memperkasa program non-akademik yang berkualiti untuk meningkatkan kemahiran insaniah para siswa yang memberi pengalaman berguna sebagai bekal dalam mempersiapkan diri dengan cabaran masa depan;
4. Mempertingkatkan jaringan kerjasama dengan komuniti, institusi dan pemegang taruh di dalam negeri, serantau dan antarabangsa dalam membantu KUPU SB mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, konsultasi dan khidmat masyarakat.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi perguruan agama di NBD, KUPU SB bertanggungjawab melahirkan pendidik dan pemimpin bertakwa, berwibawa, berakhlak mulia, berdaya saing, berpengetahuan, berfikiran terbuka, berkemahiran tinggi dan komited.

Oleh itu, setiap pelajar yang akan menjadi pendidik dipastikan untuk mendapatkan seluruh ilmu, adab dan kemahiran yang diwajibkan bagi memenuhi keperluan abad ini dan sentiasa bersedia dengan segala perubahan dengan memegang kukuh ajaran agama Islam iaitu berpandukan Ahli Sunnah Waljamaah dan menjaga falsafah negara, MIB.



# MENYEDIAKAN RUANG DIALOG TERBUKA MENGENAI CABARAN, PELUANG INDUSTRI



**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 November. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) menganjurkan acara YEAB OpenChat yang menarik baru-baru ini di Prysm Marketing Agency di

Madang, dengan menghimpunkan lapan peserta daripada syarikat seperti SynapseBN Sdn. Bhd., Olfaction Lab, Senimerge, Karyani Enterprise, Weddingloka dan Surlie Enterprise.

Sesi yang bersifat tidak formal dan interaktif berkenaan membolehkan para peserta terlibat dalam perbincangan terbuka dan berkongsi pengalaman, cabaran dan amalan mereka dalam menjalankan perniagaan kreatif.

Antara topik utama yang dibincangkan semasa acara berkenaan termasuk Strategi Pelanggan dan Promosi, iaitu kepentingan rujukan dan cadangan dalam mendapatkan tawaran dan memberi tumpuan kepada penyampaian nilai kepada pelanggan dan bukannya promosi

**SEKITAR** acara Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) OpenChat yang diadakan di Prysm Marketing Agency, Madang (atas dan kiri).

diri; Menambah Nilai kepada Pelanggan, iaitu dengan memberikan nilai tambahan melalui penyelesaian kreatif seperti baucar atau promosi tidak langsung serta membina hubungan pelanggan yang kukuh dan saling menguntungkan.

Selain itu, Membina Perhubungan Pelanggan, iaitu dengan mewujudkan situasi menang-menang untuk kedua-dua belah pihak, dengan memfokuskan kepada membina kepercayaan dan memastikan pelanggan gembira; Mengendalikan Dinamik Pasukan dan Perkongsian Pelanggan, iaitu dengan menekankan kepercayaan dalam pasukan, mengelakkan *client poaching* dan melayan pelanggan dengan baik untuk memastikan mereka kekal setia; dan Outsourcing dan Fokus pada Kekuatan, iaitu nilai tugas *outsourcing* kepada pakar, memahami masa untuk melabur dalam perkhidmatan profesional dan memfokuskan pada bidang yang dikuasai oleh pasukan.

Manakala Strategi Pemasaran dan Kandungan, iaitu konsisten dalam penciptaan kandungan, pendekatan pemasaran tidak langsung dan menawarkan nilai unik melalui kandungan kreatif; dan Sinergi Pasukan dan Aktiviti Keseronokan, iaitu kepentingan ikatan pasukan, mengimbangi kerja dengan keseronokan dan mengekalkan budaya kerja yang positif.

Sesi berkenaan diakhiri dengan rangkaian melalui jamuan ringan, memberikan para peserta peluang untuk terus berhubung dan bertukar fikiran.

Siri YEAB OpenChat akan terus menyediakan ruang untuk dialog terbuka mengenai cabaran dan peluang khusus industri, menyokong pertumbuhan usahawan di Brunei.

## Slot berkhatan bagi Januari 2025 kini dibukakan

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 19 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa slot-slot berkhatan bagi November dan Disember 2024 sudah penuh.

Manakala slot seterusnya adalah dibukakan bagi Januari 2025. Pendaftaran berkhatan adalah berdasarkan kepada *first-come, first-serve* dan slot-slot berkenaan adalah mengikut kekosongan yang tersedia tertakluk kepada tarikh-tarikh yang diberikan setelah penilaian (*assessment*) dijalankan.

Bagi membuat pendaftaran, ibu bapa atau penjaga hanya perlu membawa Kad Bru-HIMS anak sahaja (anak yang akan berkhatan tidak perlu hadir) ke Klinik Perkhidmatan Berkhatan, No. 11, Simpang 253-54-6, Kampung Kiarong, iaitu berhampiran dengan Pusat Perkembangan Kanak-kanak.

Klinik berkenaan beroperasi pada setiap hari bekerja dan tidak tertumpu pada musim cuti persekolahan sahaja dan waktu pendaftaran adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali Hari-hari Kelepasan Awam) bermula dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi terus melalui talian +673 2422064 pada waktu dan hari bekerja sahaja.



**BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN**

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

# ALAI PINTAR 137

## SOALAN 20 NOVEMBER 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Kampung Lugu terletak di daerah mana?
  - Daerah Temburong
  - Daerah Tutong
  - Daerah Brunei dan Muara
- Candas merupakan alat untuk memakan makanan tradisional Brunei, makanan apa yang dimaksudkan?
  - Roti
  - Soto
  - Ambuyat
- Berapakah bilangan sisi bagi heksagon?
  - 1
  - 3
  - 6

**TARIKH TUTUP : 30 NOVEMBER 2024**

**HADIAH PEMENANG**

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8945310 atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
 Tarikh Lahir : .....  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
 Sekolah : .....  
 Tahun : .....  
 Alamat : .....  
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

**PEMENANG ALAI PINTAR 136 :**

Nama : Mohd. Eshan bin Mohd. Esra  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125658-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

Nama : Oistina Balqis binti Iswandy  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0122631-01. Sekolah : Sekolah DES

Nama : Hana Mikaela binti Aidi Sumardi  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0136394-01. Sekolah : Bright Jigsaw International School

**JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 136 :**

- A - 39,103
- A - Tenang
- A - Kucing

## "DUNIA SEMAKIN TERUK" : PRESIDEN LULA RASMI SIDANG KEMUNCAK PEMIMPIN G20 DI BRAZIL



MEXICO CITY, 19 Nov. – Presiden Brazil Luis Inacio Lula da Silva merasmikan sidang kemuncak Pemimpin G20 di Rio de Janeiro pada Isnin dengan melahirkan kekecewaan mengenai ketegangan yang semakin meningkat dan konflik bersenjata yang melanda pentas global dan melancarkan inisiatif untuk menamatkan kelaparan dunia, lapor Agensi Anadolu.

Buat pertama kalinya, kepimpinan Brazil memegang jawatan presiden G20, sebuah blok ekonomi yang terdiri daripada 20 ekonomi terbesar di dunia. Sebagai tuan rumah, pemimpin Brazil meletakkan kelaparan dan kemiskinan dunia sebagai keutamaan dalam agenda.

"Saya memerhatikan dengan sedih bahawa dunia semakin teruk: kita mempunyai bilangan konflik bersenjata tertinggi sejak Perang Dunia II dan jumlah perpindahan

paksa terbesar yang pernah direkodkan," kata Lula seperti yang dilaporkan.

Semasa ucapan pembukaannya, pemimpin Brazil itu memetik angka Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) mengenai kelaparan dunia, melaporkan bahawa pada 2024, 733 juta orang masih mengalami kekurangan zat makanan.

Jumlah yang mengejutkan diterjemahkan kepada gabungan populasi Brazil, Mexico, Jerman, UK, Afrika Selatan dan Kanada yang mati kelaparan, seperti yang dinyatakan oleh Lula.

"Dalam dunia yang menghasilkan hampir 6 bilion tan makanan setiap tahun, ini tidak boleh diterima. Dalam dunia yang perbelanjaan ketenteraan mencecah 2.4 trilion dolar, ini tidak boleh diterima," katanya.

Sidang kemuncak antarabangsa ini berlangsung di tengah

ketegangan global yang semakin meningkat, apabila kedua-dua AS dan EU terus menyokong usaha peperangan di Ukraine serta serangan tanpa henti Israel ke atas Palestin.

Lula menegaskan kuasa ekonomi yang besar dan pengaruh berterusan dalam kalangan ahli G20, menekankan bahawa mereka menyumbang 85 peratus daripada KDNK global dan AS\$32 trilion dalam perdagangan barangan dan perkhidmatan, yang boleh ditunjukkan ke arah menamatkan kelaparan dunia.

"Terpulang kepada mereka yang mengelilingi meja ini untuk memikul tugas mendesak untuk menamatkan luka yang memalukan kemanusiaan ini. Oleh itu, kami telah menjadikan pelancaran Perikatan Global menentang Kelaparan dan Kemiskinan sebagai matlamat utama presiden Brazil dalam G20.

Ini akan menjadi warisan terbesar kami," kata Lula.

Di bawah usaha domestik Brazil, "Global Alliance against Hunger and Poverty" dilancarkan untuk memerangi kemiskinan dan kelaparan. Menurut presiden, dalam tempoh satu tahun dan sebelas bulan melaksanakan program itu, lebih daripada 24.5 juta orang telah dikeluarkan daripada kemiskinan tegar dan diunjurkan menjelang 2026, Brazil akan dikeluarkan daripada Peta Kelaparan. Sehingga 15 Nov, perikatan global itu mencatatkan penyertaan 37 negara.

G20 terdiri daripada 19 negara termasuk Argentina, Australia, Brazil, Kanada, China, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Itali, Jepun, Korea, Mexico, Arab Saudi, Afrika Selatan, Rusia, Turkiye, UK dan AS, dan dua badan serantau: Kesatuan Afrika dan Kesatuan Eropah.

Ahli G20 mewakili kira-kira 85 peratus daripada KDNK dunia, lebih daripada 75 peratus perdagangan dunia dan kira-kira dua pertiga daripada penduduk dunia. – ©BERNAMA

## Tiga maut dalam letupan gudang di luar Naples di Itali

ROME, 19 Nov. – Sekurang-kurangnya tiga orang maut dalam satu letupan di sebuah gudang berhampiran bandar Naples di selatan Itali pada Isnin, menurut pasukan bomba tempatan, seperti yang dilaporkan oleh agensi berita Jerman dpa.

Pekerja penyelamat sedang mencari kemungkinan orang hilang

di bawah runtuhan, kata pasukan bomba. Media Itali melaporkan bahawa banyak bunga api disimpan di gudang di bandar Ercolano, hanya beberapa kilometer di selatan Naples.

Masih tidak jelas bagaimana letupan itu berlaku. Penduduk tempatan melaporkan bunyi dentuman kuat dan gambar serta

video yang dikongsi di media sosial menunjukkan gumpalan asap tebal naik ke langit di tempat kejadian, yang boleh dilihat dengan jelas dari jauh.

Imej dari televisyen Itali juga menunjukkan timbunan runtuhan di lokasi letupan dan ramai pekerja penyelamat sedang bertindak. – ©BERNAMA

## India denda US\$25.4 juta ke atas Meta kerana amalan perniagaan tidak adil

NEW DELHI, 19 Nov. – India mengenakan denda 2,131 juta rupee (US\$25.4 juta) terhadap syarikat induk Facebook, Meta, kerana amalan perniagaan tidak adil dan mengarahkan syarikat itu agar tidak berkongsi data pengguna WhatsApp dengan platform lain dalam kumpulan teknologi Amerika Syarikat (AS) berkenaan.

Suruhanjaya Persaingan India mengarahkan Meta agar WhatsApp tidak berkongsi data pengguna dengan syarikat atau produk lain dalam kumpulan teknologi AS itu untuk tujuan pengiklanan selama lima tahun.

Isu itu berkaitan dengan dasar privasi WhatsApp 2021, yang dilaksanakan dengan pendekatan 'terima atau tinggalkan', menurut kenyataan suruhanjaya pada Isnin.

Pengguna aplikasi pesanan itu diwajibkan menerima terma kemas kini untuk terus menggunakan perkhidmatan itu, yang dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan Meta, kata suruhanjaya berkenaan.

Sebelum dasar privasi yang dikemas kini pada 2021, pengguna WhatsApp diberi pilihan untuk memutuskan sama ada mereka

mahu berkongsi data mereka dengan Facebook. Namun, WhatsApp menjadikan perkongsian data dengan Meta wajib untuk semua pengguna di bawah terma perkhidmatan yang baharu, menurut suruhanjaya itu.

Suruhanjaya itu juga menyatakan bahawa perkongsian data pengguna yang dikumpulkan di WhatsApp dengan syarikat lain di bawah Meta untuk tujuan selain menyediakan perkhidmatan WhatsApp 'tidak akan dijadikan syarat untuk pengguna mengakses perkhidmatan WhatsApp di India'. – ©BERNAMA

## Polis rampas ganja bernilai hampir RM500,000

KAJANG, 19 Nov. - Polis melumpuhkan sindiket pengedaran ganja dengan merampas dadah bernilai RM499,974 dalam tiga serbuan berasingan di sekitar Semenyih di sinipada Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Kajang, ACP Naazron Abdul Yusof berkata polis turut menahan seorang peniaga yang juga penternak udang galah bersama isterinya serta dua lagi lelaki berusia lingkungan 29 hingga 39 tahun dipercayai terlibat menyimpan dan

mengedar dadah jenis ganja, cecair campuran ganja dan bunga ganja.

"Ketiga-tiga suspek lelaki disahkan positif dadah jenis THC melalui hasil saringan air kencing," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang di sini hari ini.

Beliau berkata pasangan suami isteri terbabit telah dituduh di mahkamah hari ini manakala dua lagi suspek masih direman hingga 21 November ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Naazron berkata dalam ketiga-tiga serbuan itu, polis menemukan dadah jenis ganja seberat 36.402 kilogram (kg), 2.953 kg cecair campuran ganja dan 7.589 kg bunga ganja.

Beliau berkata dadah berkenaan dipercayai untuk edaran di pasaran sekitar Lembah Klang dan boleh dibekalkan kepada lebih 94,000 pengguna.

"Polis percaya terdapat rangkaian sindiket inimasih bebas terutama dalam kalangan pembekal," katanya. – ©BERNAMA

## Presiden Paraguay dimasukkan ke hospital sakit dada semasa Sidang Kemuncak G20

MOSCOW, 19 Nov. – Presiden Paraguay Santiago Pena, yang menghadiri sidang kemuncak G20 di Brazil, dikejarkan ke hospital pada Selasa selepas mengalami sakit dada, lapor agensi berita Rusia Ria Novosti memetik Paraguay akhbar Ultima Hora.

Pena dihantar ke hospital di Rio de Janeiro dengan ambulans terus dari Muzium Seni Moden di bandar itu, tempat mesyuarat pemimpin G20 diadakan, kata akhbar itu, sambil menambah pasukan perubatan yang memeriksa presiden mendapati beliau mengalami anomali.

Naib Presiden Paraguay Pedro Alliana berkata beliau telah bercakap dengan Pena. "Bercakap dengan Presiden Santiago Pena, yang kini berada di Hospital Samaria di Rio de Janeiro selepas mengalami ketidakselesaan ringan. Beliau dalam keadaan baik," menurut Alliana di platform X. Presiden sedang menunggu keputusan analisis perubatan, tambahnya. – ©BERNAMA

## Kebocoran gas klorin : 60 individu dikejarkan ke pusat perubatan di Iran

TEHRAN, 18 Nov. - Enam puluh individu di wilayah Isfahan, tengah Iran dikejarkan ke pusat perubatan selepas disyaki terhidu gas klorin pada Ahad, lapor Agensi Berita Republik Islam Iran (IRNA).

Kejadian kira-kira 1.40 tengah hari waktu tempatan (1010 GMT) berlaku apabila trak membawa membawa silinder gas klorin terbalik di jalan antara bandar di daerah Shahreza, 80 kilometer ke selatan ibu kota wilayah, Isfahan.

Ketua pengarah jabatan pengurusan krisis wilayah Mansour Shishehforoush dipetik sebagai berkata susulan kemalangan itu, pasukan penyelamat segera dikerah ke lokasi kejadian.

Menurut beliau, satu daripada silinder itu mengalami kebocoran menyebabkan 60 orang di kawasan berhampiran mengalami gangguan pada sistem pernafasan dan segera dikejarkan ke pusat perubatan. – ©BERNAMA

## Filipina desak tingkat pembiayaan iklim di COP29

MANILA, 18 Nov. - Filipina telah menggesa peningkatan pembiayaan iklim untuk menyokong negara terdedah selepas dilanda beberapa siri taufan dalam beberapa bulan kebelakangan ini, menurut Jabatan Kewangan (DOF) pada Isnin.

Semasa COP29 di Baku, Azerbaijan, Setiausaha Rendah Kewangan Filipina Maria Luwalhati Dorotan Tiuseco menerajui usaha delegasi dalam merundingkan komitmen kewangan global pasca 2025. Matlamat kuantitatif kolektif baharu ini bertujuan untuk menangani permintaan yang berubah-ubah bagi penyesuaian iklim, mitigasi, dan daya tahan, lapor Xinhua.

"Kami telah diberi peluang yang tidak boleh dilepaskan untuk menyokong dana kewangan iklim global, yang bagi kebanyakan negara yang terdedah adalah soal hidup dan mati," kata Tiuseco semasa Dialog Menteri Peringkat Tinggi mengenai Pembiayaan Iklim.

"Itulah sebabnya di COP29, Filipina secara agresif mendesak tindakan berani dan pembiayaan yang lebih mampan dan meningkat untuk negara-negara yang sentiasa berada di barisan hadapan taufan yang dahsyat," tambah Tiuseco.

Selepas taufan super Man-yi, taufan keenam yang melanda Filipina dalam tempoh kurang sebulan, DOF berkata ia telah mendesak sasaran pembiayaan iklim awal sebanyak US\$1.3 trilion setiap tahun dari negara maju bagi tujuan penyesuaian, mitigasi, serta kerugian dan kerosakan selaras dengan keperluan mendesak negara-negara membangun. – ©BERNAMA



# BDSG : PLATFORM CUNGKIL BAKAT PELAJAR DALAM BIDANG SUKAN



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2 (atas), manakala gambar bawah kanan, bacaan Ikrar Sukan yang diketuai oleh Awang Mohd. Irsyaduddin bin Musa, pelajar PTE Tutong, Kluster 5 dengan diiringi oleh wakil-wakil sekolah kerajaan daripada setiap kluster.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 November.** - Lebih 900 atlet pelajar berentap dalam tujuh acara sukan yang dipertandingkan pada Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2 pada edisinya tahun ini. Atlet pelajar yang bertanding dan juga pegawai terlibat di BDSG terdiri daripada 201 orang dari Kluster 1, 199 dari Kluster 2, Kluster 3 menurunkan 238 orang, Kluster 4 seramai 186 orang serta Kluster 5 dan Kluster 6, masing-masing dengan jumlah 201 dan 209 orang.

Acara sukan BDSG kali ini, iaitu Bola Keranjang, Badminton, Bola Jaring, Renang, Sepak Takraw, Pencak Silat dan Olahraga serta beberapa acara telah dipertandingkan sejak 11 November lalu dan temasya sukan berkenaan akan berakhir pada 23 November ini nanti.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum hari ini telah mengadakan Acara Pembukaan Rasmi Kejohanan BDSG yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan kejohanan berkenaan, Setiausaha Tetap (Pendidikan

Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Haji Mohamad/Mohamat.

Awang Julaihi dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan bahawa penganjuran BDSG Kali Ke-2 pada tahun ini juga digunakan sebagai landasan dan peluang untuk kita membuat persiapan awal dalam penganjuran Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASEAN Schools Games, ASG) Kali Ke-14 pada November 2025 sama ada dari segi pengurusan dan pentadbiran mahupun dari segi teknikal.

Oleh itu, katanya, sukan-sukan yang ditawarkan semasa BDSG Ke-2 pada tahun ini adalah tujuh dari lapan acara sukan yang akan ditawarkan semasa ASG Ke-14 pada tahun hadapan.

Awang Julaihi selaku Pengerusi Kejohanan seterusnya menjelaskan, Kejohanan BDSG dibukakan kepada pelajar-pelajar yang berumur di antara 13 hingga 18 tahun di peringkat sekolah-sekolah menengah,

maktab-maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) kerajaan dan swasta termasuk sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan format berkontinjen mengikut Kluster sekolah masing-masing.

Penglibatan sekolah-sekolah secara menyeluruh ini katanya, merupakan peluang terbaik bagi sekolah-sekolah meningkatkan rangkaian kerjasama antara mereka dan pihak-pihak yang berkaitan.

"Hubungan dan kerjasama yang baik ini membuktikan sukan bolehlah dijadikan sebagai satu landasan yang menyatupadukan semua pihak dalam mencapai matlamat yang sama," ujarnya.

Di samping itu tambahnya, dalam memastikan kejohanan seumpama ini memberikan akses saksama (*equal access*) kepada semua pelajar, sebanyak empat acara dalam sukan Olahraga dikhususkan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas.

"Alhamdulillah, seramai 60 pelajar berkeperluan khas akan terlibat dalam kejohanan pada tahun ini, iaitu satu peningkatan jumlah pelajar dari Edisi Pertama BDSG pada 2022 (38 orang).

"Dari segi nisbah pelajar lelaki dan perempuan pula, alhamdulillah pada BDSG tahun ini nisbah penyertaan hampir mencapai sama rata, iaitu 54 peratus atlet lelaki dan 46 peratus atlet perempuan.

"Kedua-dua perangkaan ini menunjukkan bahawa kejohanan sukan seumpama BDSG ini dapat membantu negara dalam mendukung United Nation's Sustainable Development Goals 2030 khususnya dalam SDG5 : Gender Equality dan SDG10: Reduced Inequalities," katanya lagi.

Acara diteruskan dengan perbarisan lalu kontinjen dan pegawai-pegawai teknikal dan kemudiannya diikuti dengan bacaan Ikrar Sukan yang diketuai oleh Awang Mohd. Irsyaduddin bin Musa, pelajar PTE Tutong, Kluster 5

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman**

dengan diiringi oleh wakil-wakil sekolah kerajaan daripada setiap Kluster.

Majlis diserikan lagi dengan Persembahan Koir Lagu Tema BDSG oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Berakas dan Persembahan Aerodance daripada pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jerudong dan Sekolah Rendah Rimba II.

Pada tahun ini, selain daripada seramai 323 pegawai kontinjen, kejohanan ini turut melibatkan 970 orang yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Teknikal serta para sukarelawan.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, KHEU, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Adapun acara sukan BDSG kali ini ialah Bola Keranjang di Gelanggang Bola Keranjang Batu Bersurat (BBA) bermula 11 hingga 22 November 2024, Badminton pada 16 hingga 21 November 2024 di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan; Bola Jaring di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dari 16 hingga 22 November 2024, Renang pada 18 hingga 20 November 2024 di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah; Sepak Takraw di Kompleks Sukan Sungai Kebun bermula 19 hingga 21 November 2024, Pencak Silat pada 19 hingga 22 November

2024 di Dewan PTE Sengkurong dan sukan Olahraga pula pada 20 hingga 23 November 2024 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Salah satu matlamat utama penganjuran BDSG adalah untuk menyediakan wadah (platform) kepada para pelajar dalam mempamerkan dan seterusnya mengembangkan bakat besar mereka dalam bidang sukan.

Dengan penglibatan para pelajar di kejohanan yang kompetitif ini akan dapat mendukung perkembangan pelajar secara holistik seperti perkembangan fizikal, kemahiran sosial, kesejahteraan emosi, kesihatan mental, disiplin dan kedayatanganan (*resilience*), kepimpinan dan perkembangan kognitif pelajar selaras dengan Matlamat 1 yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023 hingga 2027, iaitu 'To Nurture Future-Ready Learners'.

Di samping itu, BDSG juga bertujuan untuk mengenal pasti atlet pelajar yang berpotensi dan berbakat bagi mewakili Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) ke kejohanan-kejohanan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Kejohanan ini merupakan landasan terbaik untuk mencungkil bakat dan meningkatkan kemahiran pelajar melalui pendedahan perlawanan yang lebih kompetitif.



## Santos mahu Neymar kembali pada 2025

**RIO DE JANEIRO, 18 Nov.** - Penyerang Brazil, Neymar berkemungkinan kembali ke kelab asalnya Santos tahun depan selepas bergelut dengan kecederaan setelah menyertai kelab Liga Pro Saudi Al-Hilal, lapor Xinhua memetik laporan media di Brazil.

Presiden Santos Marcelo Teixeira dijadual bertemu dengan bapa dan pengurus Neymar,

Neymar Santos Sr minggu depan untuk membincangkan syarat perpindahan yang mungkin berlaku, menurut Globo Esporte pada Ahad.

Kontrak Neymar bersama Al-Hilal dijangka tamat pada Julai tahun depan, tetapi pemain berusia 32 tahun itu boleh menamatkan kontraknya lebih awal. Ini memberi peluang

kepada pemain itu untuk kembali ke Santos pada Januari, menurut laporan itu.

Laporan itu turut menyebut bahawa usaha untuk menamatkan kontrak Neymar lebih awal adalah "amat rumit" disebabkan klausa kewangan dan komitmen pemasaran.

Neymar hanya membuat tujuh penampilan dalam semua pertandingan untuk Al-Hilal sejak

menyertai kelab itu dari Paris Saint-Germain pada Ogos 2023.

Awal bulan ini, Teixeira memberitahu akhbar Brazil Estadao bahawa Santos mempunyai "projek konkrit" untuk membawa semula pemain No. 10 itu ke kelab.

Neymar membuat 225 penampilan untuk Santos dan menjaringkan 136 gol sebelum perpindahan berprofil tinggi ke Barcelona pada 2013. Dia merupakan penjaring terbanyak sepanjang masa Brazil dengan 79 gol dalam 128 perlawanan antarabangsa. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**TINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT MENGENAI HAK KANAK-KANAK**